



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

NEGERI SARAWAK

TAHUN 2017

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
3	Pendahuluan
4	Objektif dan Metodologi Pengauditan
4	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
	BAHAGIAN II
	ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
9	Latar Belakang
9	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
9	Kumpulan Wang Disatukan
11	Wang Awam
14	Akaun Hasil Disatukan
23	Akaun Pinjaman Disatukan
24	Akaun Amanah Disatukan
38	Penyata Prestasi Kewangan
39	Penyata Akaun Memorandum
50	Nota Kepada Penyata Kewangan
53	Rumusan dan Syor Audit
	BAHAGIAN III
	RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
57	Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 (2016 – 2020)
65	Rumusan

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

69	Pendahuluan
69	Pengauditan Penyata Kewangan
70	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
70	Pengesahan Penyata Kewangan
71	Pembentangan Penyata Kewangan
72	Prestasi Kewangan
85	Rumusan dan Syor Audit

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

91	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri serta Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
91	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

PENUTUP

LAMPIRAN

99	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak	I
103	Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak	II
104	Penyata Kedudukan Kewangan	III
105	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	IV
107	Penyata Prestasi Kewangan	V
108	Penyata Akaun Memorandum	VI
109	Nota Kepada Penyata Kewangan	VII



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2017 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara Malaysia mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2017 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa Kementerian/Jabatan Negeri sepanjang tahun 2017. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2017, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan ialah bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institution (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
23 Oktober 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2017.
2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui pemerhatian Audit dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.
3. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2017 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuat kuasa. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah di selenggara dengan teratur dan kemas kini.**

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 adalah RM30.05 bilion, meningkat sejumlah RM0.69 bilion berbanding RM29.36 bilion pada akhir tahun 2016. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri mencatatkan surplus sejumlah RM1.05 bilion berbanding RM346.24 juta pada tahun 2016. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM954.16 juta atau 16.1% menjadi RM6.86 bilion berbanding RM5.91 bilion pada tahun 2016. Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM57.63 juta atau 32.2% menjadi RM236.45 juta daripada RM178.82 juta pada tahun 2016. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM247.35 juta atau 4.5% iaitu daripada RM5.56 bilion pada tahun 2016 kepada RM5.81 bilion pada tahun 2017. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM37.65 juta atau 1.5% daripada RM2.45 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.41 bilion

pada tahun 2017. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM66.97 juta atau 7.0% daripada RM958.89 juta pada tahun 2016 kepada RM1.03 bilion pada tahun 2017. Pelaburan saham meningkat RM90.51 juta atau 2.1% pada tahun 2017. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM61.71 juta atau 2.6% menjadi RM2.47 bilion berbanding RM2.41 bilion pada tahun 2016. Tunggakan hutang awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 ialah RM41.74 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. Prestasi bagi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) setakat 31 Disember 2017 menunjukkan sejumlah RM4.29 bilion atau 72.3% daripada RM5.93 bilion telah dibelanjakan. Dari segi prestasi projek fizikal, 171 atau 24.4% daripada 702 projek telah siap dilaksanakan, 498 projek sedang dilaksanakan, 30 projek belum mula, tiga (3) projek digugurkan dan digantikan dengan satu (1) projek baharu.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2017 bagi 25 Badan Berkanun Negeri (BBN), 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Islam Sarawak (MIS) adalah baik. Kesemua BBN, PBT dan MIS telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2017 pada atau sebelum 30 April 2018. Penyata Kewangan BBN dan PBT Bagi Tahun 2016 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak pada 9 hingga 18 Julai 2018. Kedudukan kewangan tahun 2017 bagi 25 BBN adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2016. Pada akhir tahun 2017, surplus pendapatan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM102.48 juta atau 2.5% tetapi jumlah aset menurun sejumlah RM87.12 juta atau 0.8%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM193.63 juta atau 6.7% dan surplus pendapatan tahun semasa menurun sejumlah RM54.57 juta atau 34.8% berbanding tahun 2016. Kedudukan kewangan tahun 2017 bagi 25 PBT adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2016. Pada akhir tahun 2017, PBT telah mencatatkan defisit sejumlah RM25.61 juta pada tahun 2017. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM3.66 juta atau 4.5% daripada sejumlah RM80.95 juta pada tahun 2016 menjadi sejumlah RM84.61 juta pada tahun 2017.

**BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI**

7. Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015 dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2015 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 11 Mei 2017.

8. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Ke-51 yang membincangkan mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 dan 2015 Siri 1 telah di bentang di Dewan Undangan Negeri pada 13 November 2017. Pada tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali Ke-52 telah diadakan pada 12 dan 13 Mac 2018 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Susulan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pagaudit sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara pada **5 Februari 2018**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2017 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Laporan Akauntan Negeri menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk, aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2017. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada wang tunai. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tuggakan Hasil Negeri. Tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui pemerhatian Audit dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg. Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah diadakan pada 24 April 2018.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2017 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, secara**

keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah di selenggara dengan teratur dan kemas kini. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti **Lampiran I hingga Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2017, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum serta maklumat kewangan yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan adalah berjumlah RM30.05 bilion pada akhir tahun 2017 yang terdiri daripada wang tunai sejumlah RM12.17 juta dan pelaburan sejumlah RM30.04 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	22,567.83	21,514.78	1,053.05	4.9
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:	7,479.57	7,849.03	-369.46	-4.7
	a. Kumpulan Wang Amanah				
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	4,442.91	4,890.35	-447.44	-9.1
	ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	2,381.63	2,123.23	258.40	12.2
	iii. Kumpulan Wang Amanah Awam	231.33	216.23	15.10	7.0
	b. Deposit	144.01	325.98	-181.97	-55.8
	c. Akaun Kena Bayar	279.69	293.24	-13.55	-4.6
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-	-
	JUMLAH	30,047.40	29,363.81	683.59	2.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM683.59 juta atau 2.3% iaitu daripada RM29.36 bilion pada tahun 2016 kepada RM30.05 bilion pada tahun 2017. Perubahan ini disebabkan peningkatan baki dalam Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1.05 bilion.


4.2.3. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	17,151.23	20,202.49	21,168.54	21,514.78	22,567.83
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:	6,207.96	6,822.58	8,275.22	7,849.03	7,479.57
	a. Kumpulan Wang Amanah					
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	3,589.67	4,208.70	5,339.45	4,890.35	4,442.91
	ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,792.27	1,771.65	1,691.46	2,123.23	2,381.63
	iii. Kumpulan Wang Amanah Awam	204.52	202.24	206.43	216.23	231.33
	b. Deposit	452.39	461.03	613.08	325.98	144.01
	c. Akaun Kena Bayar	169.11	178.96	424.80	293.24	279.69
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-	-	-
	JUMLAH	23,359.19	27,025.07	29,443.76	29,363.81	30,047.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa yang diurus oleh Ibu Pejabat Perpendaharaan Negeri, 12 Pejabat Perpendaharaan Bahagian, Pejabat Perhubungan Sarawak di Kuala Lumpur dan satu (1) agen iaitu Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke bank serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada baki tunai di 24 Pejabat Perpendaharaan Kecil pada 31 Disember 2017 dan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada 32 pemegang panjar di Jabatan Negeri. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3
BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	12.08	27.52	-15.44	-56.1
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	-	-	-	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.09	0.10	-0.01	-10.0
JUMLAH		12.17	27.62	-15.45	-55.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.3.1.2. Analisis Audit mendapati baki wang tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM15.45 juta atau 55.9% iaitu daripada RM27.62 juta pada tahun 2016 menjadi RM12.17 juta pada tahun 2017. Baki Wang Tunai Dalam Bank menurun sejumlah RM15.44 juta atau 56.1% berbanding tahun 2016. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan bagi tahun 2017 adalah berbaki sifar. Baki Wang Tunai Dalam Tangan menurun sejumlah RM0.01 juta atau 10% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pada keseluruhannya, perubahan ini adalah disebabkan langkah yang diambil oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak untuk mengurangkan baki Wang Tunai Dalam Bank. Lebihan tunai telah dilaburkan dalam simpanan tetap bagi mendapatkan pulangan faedah pelaburan yang maksima. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.4**.

**JADUAL 4.4
BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank *	59.97	33.99	17.41	27.52	12.08
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	27.14	22.48	0.09	-	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.30	0.19	0.22	0.10	0.09
JUMLAH		87.41	56.66	17.72	27.62	12.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: * - Baki Wang Tunai Dalam Bank Termasuk Baki Wang Tunai Dengan Agen (Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London)

4.3.1.3. Analisis Audit terhadap keperluan bulanan Wang Tunai Dalam Bank berbanding jumlah perbelanjaan bulanan sepanjang tahun 2017 mendapati baki wang tunai dalam bank adalah antara RM10.60 juta hingga RM41.81 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.5**.

**JADUAL 4.5
BAKI BULANAN WANG TUNAI DALAM BANK PADA TAHUN 2017**

BULAN	BAKI AWAL (RM Juta)	DEBIT/TERIMAAN (RM Juta)	KREDIT/BAYARAN (RM Juta)	BAKI AKHIR DI BANK (RM Juta)	*BAKI AKHIR DI BANK/AGEN (RM Juta)
Januari	27.23	5,062.94	5,065.57	24.60	24.90
Februari	24.60	4,002.95	3,985.74	41.81	42.11
Mac	41.81	4,896.03	4,910.00	27.84	28.14
April	27.84	3,359.10	3,357.04	29.90	30.20
Mei	29.90	4,016.57	4,028.27	18.20	18.50
Jun	18.20	2,538.92	2,543.74	13.38	13.68
Julai	13.38	2,426.67	2,413.84	26.21	26.51
Ogos	26.21	3,653.95	3,649.48	30.68	30.98
September	30.68	6,314.29	6,324.60	20.37	20.67
Oktober	20.37	3,142.25	3,143.38	19.24	19.54
November	19.24	4,012.71	4,021.35	10.60	10.90
Disember	10.60	8,919.55	8,918.37	11.78	12.08

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: * - Baki Wang Tunai Dalam Bank Termasuk Baki Wang Tunai Dengan Agen (Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London) Sejumlah RM0.30 juta

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pula adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan Peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah terdiri daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Kedudukan pelaburan meningkat sejumlah RM699.04 juta atau 2.4% daripada RM29.34 bilion pada akhir tahun 2016 kepada RM30.04 bilion pada akhir tahun 2017. Pulangan pelaburan meningkat sejumlah RM8.08 juta atau 0.7% berbanding RM1.15 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.16 bilion pada tahun 2017. Perubahan ini disebabkan peningkatan pelaburan dalam simpanan tetap pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.6**.

JADUAL 4.6
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	PELABURAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am				
	a. Simpanan Tetap	29,526.00	28,952.00	574.00	2.0
	b. Unit Saham	91.23	91.23	-	-
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
	a. Simpanan Tetap	329.42	204.38	125.04	61.2
	b. Unit Saham	88.58	88.58	-	-
JUMLAH		30,035.23	29,336.19	699.04	2.4
PULANGAN PELABURAN		1,158.24	1,150.16	8.08	0.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri


4.3.2.3. Analisis trend pelaburan menunjukkan peningkatan pelaburan setiap tahun daripada tahun 2013 hingga 2015 dan menurun pada tahun 2016. Bagaimanapun, pelaburan kembali meningkat dan kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.7** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.7
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	23,046.94	26,702.23	29,157.23	29,043.23	29,617.23
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	224.83	266.18	268.81	292.96	418.00
JUMLAH		23,271.77	26,968.41	29,426.04	29,336.19	30,035.23

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.2
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

- Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.
- Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan baki Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM22.57 bilion yang mencatatkan surplus sejumlah RM1.05 bilion berbanding surplus sejumlah RM346.24 juta pada tahun 2016. Surplus ini berpunca daripada hasil yang diperoleh berjumlah RM6.86 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM5.81 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	21,514.78	21,168.54	346.24	1.6
Hasil	6,864.21	5,910.05	954.16	16.1
Perbelanjaan Mengurus	5,811.16	5,563.81	247.35	4.4
Surplus Bagi Tahun	1,053.05	346.24	706.81	204.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	22,567.83	21,514.78	1,053.05	4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri


- Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan trend baki meningkat dari setahun ke setahun dan baki tahun 2017 adalah yang tertinggi. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.9** dan **Carta 4.3**.

JADUAL 4.9
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017

PERKARA	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	15,024.87	17,151.23	20,202.49	21,168.54	21,514.78
Hasil	7,163.03	8,901.60	6,954.76	5,910.05	6,864.21
Perbelanjaan Mengurus	5,036.67	5,850.34	5,988.71	5,563.81	5,811.16
Surplus	2,126.36	3,051.26	966.05	346.24	1,053.05
BAKI PADA 31 DISEMBER	17,151.23	20,202.49	21,168.54	21,514.78	22,567.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.3
TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

- d. Pencapaian hasil berbanding perbelanjaan mengurus menunjukkan Akaun Hasil Disatukan meningkat secara berterusan dari tahun 2013 hingga 2017. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 mencatatkan peningkatan surplus sejumlah RM706.81 juta atau 204.1% berbanding tahun 2016.

4.4.1. Hasil

4.4.1.1. Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berdasarkan akta atau perundangan. Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik

merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

4.4.1.2. Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM6.10 bilion kutipan hasil pada tahun 2017. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah berjumlah RM6.86 bilion iaitu meningkat sejumlah RM954.16 juta atau 16.1% berbanding RM5.91 bilion pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.10**.

JADUAL 4.10
PUNGUTAN HASIL NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Bukan Cukai	5,089.58	4,401.93	687.65	15.6
2.	Hasil Cukai	1,510.55	1,306.13	204.42	15.7
3.	Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik	231.86	140.15	91.71	65.4
4.	Terimaan Bukan Hasil	32.22	61.84	-29.62	-47.9
JUMLAH		6,864.21	5,910.05	954.16	16.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.1.3. Analisis Audit mendapati Hasil Bukan Cukai menunjukkan peningkatan paling ketara sejumlah RM687.65 juta atau 15.6% yang menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan iaitu sejumlah RM954.16 juta bagi tahun 2017 berbanding 2016.

4.4.1.4. Analisis Peningkatan dan Penurunan Hasil Ketara

a. Peningkatan Hasil Ketara

Analisis Audit mendapati justifikasi terhadap sebanyak lima (5) butiran hasil yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.11**.

JADUAL 4.11

JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Dividen	1,822.59	1,182.85	639.74	54.1	Sebahagian besar hasil daripada syarikat yang berasaskan petroleum dan gas. Pemberian dividen oleh syarikat adalah berdasarkan kepada prestasi kewangan syarikat tersebut.
2.	Cukai Jualan Negeri - Minyak Sawit Mentah	569.79	405.36	164.43	40.6	Purata harga pasaran pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM161.55 (6.1%) iaitu sejumlah RM2,800.38 (2017) berbanding RM2,638.83 (2016). Pengeluaran minyak sawit mentah meningkat sebanyak 375,760.79 tan (9.4%) iaitu 4,365,665.63 tan (2017) berbanding 3,989,904.84 tan (2016).

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
3.	Premium Kayu-Kayan Bukit	112.55	9.12	103.43	1,134.1	Peningkatan kutipan bagi Premium Kayu-Kayan Bukit adalah disebabkan semakan kepada kadar premium tersebut daripada RM0.80 per meter padu kepada RM50.00 per meter padu berkuat kuasa 1 Julai 2017.
4.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak	729.47	642.97	86.50	13.5	Peningkatan ini disebabkan purata harga minyak yang tinggi pada tahun 2017 berbanding 2016.
5.	Pemberian 12% Caj Perkhidmatan Kerana Melaksanakan Projek Persekutuan	94.87	20.25	74.62	368.5	Peningkatan ini disebabkan tuntutan oleh agensi Kerajaan Negeri Sarawak bagi projek Persekutuan yang telah dilaksanakan.

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Berkenaan

b. Penurunan Hasil Ketara

Analisis Audit terhadap justifikasi untuk sebanyak lima (5) butiran hasil yang telah mencatat penurunan ketara bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.12**.

**JADUAL 4.12
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Royalti Hutan	379.36	486.46	-107.10	-22.0	Penurunan kutipan royalti pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah disebabkan penurunan dalam pengeluaran balak pada tahun 2017 iaitu 5,477,961 meter padu berbanding 7,413,526 meter padu pada tahun 2016.
2.	Pelbagai Terimaan	16.00	46.16	-30.16	-65.3	Penurunan ini disebabkan pada tahun 2016 terdapat terimaan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM25 juta untuk Sukan Malaysia 2016.
3.	Cukai Jualan Negeri - Loteri	86.81	102.52	-15.71	-15.3	Penurunan disebabkan jualan tiket loteri pada tahun 2017 berkurang. Trend penurunan juga berlaku sepanjang tahun 2015 - 2016.
4.	Faedah Ke Atas Pinjaman	16.44	28.57	-12.13	-42.5	Penurunan disebabkan pada tahun 2017 beberapa agensi tidak membuat pembayaran balik seperti yang dijadualkan. Selain itu, bayaran balik tahun 2017 kebanyakannya adalah bayaran pinjaman yang tidak memberi pulangan faedah.
5.	Lesen Tanah dan Survei	0.32	7.02	-6.70	-95.4	Penurunan ini disebabkan tiada lagi Lesen Pendudukan Sementara pada tahun 2017 bagi Projek Sarawak Hidro di Empangan Bakun dan Empangan Murum.

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan yang Berkenaan

4.4.1.5. Trend Pungutan Hasil


Bagi tempoh lima (5) tahun iaitu tahun 2013 hingga 2017, kutipan hasil telah mencatatkan peningkatan pada tahun 2017 berbanding 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.13** dan **Carta 4.4**.

JADUAL 4.13
TREND PUNGUTAN HASIL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	KATEGORI HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Hasil Bukan Cukai	5,853.14	7,454.46	5,573.56	4,401.93	5,089.58
2.	Hasil Cukai	1,172.73	1,292.40	1,219.63	1,306.13	1,510.55
3.	Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik	125.52	135.30	140.36	140.15	231.86
4.	Terimaan Bukan Hasil	11.64	19.44	21.21	61.84	32.22
JUMLAH		7,163.03	8,901.60	6,954.76	5,910.05	6,864.21

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

CARTA 4.4
TREND PUNGUTAN HASIL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.4.1.6. Penyumbang Utama Hasil


Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah Hasil Dividen, Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas, Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan, Pampasan Gantian Hak ke Atas Minyak, Royalti Hutan dan Premium Tanah. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.14** dan **Carta 4.5**.

JADUAL 4.14
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	HASIL	2013		2014		2015		2016		2017	
		(RM Juta)	(%)								
1.	Dividen	1,977.11	32.7	2,990.84	39.1	1,589.61	27.5	1,182.85	25.8	1,822.59	35.2
2.	Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan	718.53	11.9	989.36	12.9	1,079.06	18.6	1,150.16	25.1	1,158.24	22.3
3.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas	1,329.01	22.0	1,480.43	19.3	1,337.48	23.1	851.40	18.5	829.15	16.0
4.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak	1,158.49	19.2	1,266.10	16.6	911.50	15.8	642.97	14.0	729.47	14.1
5.	Royalti Hutan	544.81	9.0	569.28	7.4	550.17	9.5	486.46	10.6	379.36	7.3
6.	Premium Tanah	314.08	5.2	356.83	4.7	318.36	5.5	275.70	6.0	265.74	5.1
JUMLAH		6,042.03	100	7,652.84	100	5,786.18	100	4,589.54	100	5,184.55	100

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.5
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada maksud Tanggungan dan Bekalan. Bagi maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran hutang negeri. Maksud Bekalan ialah perbelanjaan seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan, bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman. Pada tahun 2017, perbelanjaan mengurus

sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM5.81 bilion iaitu melebihi anggaran yang berjumlah RM5.71 bilion.

4.4.2.2. Klausa 3 dalam *Financial Procedure (Contingencies And Trust Funds) Ordinance, 1963* menyatakan *the Chief Minister, if he is satisfied that there has arisen an urgent and unforeseen need for expenditure for which no other provision exists and for which moneys cannot be provided under section 29(4) of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61], of the Federation as extended to Sarawak by an order made under section 74 of the Malaysia Act, may make advances from the Contingencies Fund to meet that need.* Sehubungan itu, lebihan perbelanjaan mengurus telah didahului daripada Dana Kontingensi dan diluluskan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada 12 Julai 2018. Sejumlah RM220.85 juta telah dimohon daripada Dana Kontingensi bagi menampung lebihan perbelanjaan mengurus, antaranya pembayaran Bantuan Khas Kewangan dan Bayaran Insentif Khas serta pembelian sembilan (9) buah untuk kegunaan rasmi Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 yang tidak dibuat anggaran dalam belanjawan tahunan jabatan. Selain itu, pembekalan air terawat, bayaran pulangan balik hasil dan sewa *aircraft* termasuk *chartered service* juga didahului dengan menggunakan Dana Kontingensi. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.15**.

**JADUAL 4.15
PERBANDINGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
DENGAN PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BAGI TAHUN 2017**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN DIPINDA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	KONTINGENSI (RM Juta)
1.	Emolumen	725.08	788.78	-63.70	108.8	96.75
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	750.39	759.32	-8.93	101.2	75.01
3.	Aset	35.86	43.52	-7.66	121.4	9.72
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	687.10	694.68	-7.58	101.1	23.32
5.	Perbelanjaan Lain*	3,509.19	3,524.86	-15.67	100.4	16.05
JUMLAH		5,707.62	5,811.16	-103.54	101.8	220.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: * - Perbelanjaan lain termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun

4.4.2.3. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM247.35 juta atau 4.4% iaitu daripada RM5.56 bilion pada tahun 2016 kepada RM5.81 bilion pada tahun 2017. Perbelanjaan ini termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun berjumlah RM3.50 bilion, meningkat sejumlah RM200 juta atau 6.1% berbanding RM3.30 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan penurunan sejumlah RM59.80 juta atau 7.9% berbanding tahun 2016. Bagaimanapun, berlaku peningkatan antara

RM8.29 juta hingga RM186.84 juta atau 3.2% hingga 23.5% bagi empat (4) perbelanjaan yang lain. Perbelanjaan Aset menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM8.29 juta atau 23.5% diikuti Emolumen yang meningkat sejumlah RM88.49 juta atau 12.6%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.16**.

JADUAL 4.16
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	788.78	700.29	88.49	12.6
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	759.32	735.79	23.53	3.2
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	694.68	754.48	-59.80	-7.9
4.	Aset	43.52	35.23	8.29	23.5
5.	Perbelanjaan Lain	3,524.86	3,338.02	186.84	5.6
JUMLAH		5,811.16	5,563.81	247.35	4.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.2.4. Peningkatan ketara bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 adalah disebabkan oleh pembelian kenderaan untuk kegunaan rasmi Kerajaan Negeri, pembelian peralatan perubatan, Bayaran Insentif Khas, pembayaran gaji tertunggak bagi 53 orang pegawai Jabatan Tanah dan Survei, pertambahan caruman Kumpulan Wang Pembangunan bagi melaksanakan projek pembangunan, sewa *aircraft* termasuk *chartered service*, peningkatan kos penyenggaraan paip serta pertambahan bilangan loji rawatan air dan stesen *booster*.


4.4.2.5. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.17** dan **Carta 4.6**.

JADUAL 4.17
PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Emolumen	651.91	672.40	665.38	700.29	788.78
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	560.30	589.02	630.68	735.79	759.32
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	478.80	521.23	545.97	754.48	694.68
4.	Aset	27.21	28.28	25.38	35.23	43.52
5.	Perbelanjaan Lain	3,318.45	4,039.41	4,121.30	3,338.02	3,524.86
JUMLAH		5,036.67	5,850.34	5,988.71	5,563.81	5,811.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.6
PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.2.6. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menyatakan bahawa bayaran terhadap bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan atau perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, sekiranya Perbendaharaan Negeri mempunyai keraguan mengenai sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut atau peruntukan Kementerian/Jabatan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 8 Tahun 2012 pada pertengahan Disember 2012 juga memberi peringatan kepada semua Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan serta pegawai yang menjaga akaun terhadap pematuhan AP 58(a).
- Pada tahun 2017, pembayaran di bawah AP 58(a) telah menurun sejumlah RM0.92 juta atau 6% daripada RM15.19 juta pada tahun 2016 menjadi RM14.27 juta pada tahun 2017. Antara punca yang menyebabkan pembayaran tersebut adalah:

- i. Jabatan Kerja Raya - kelulusan pengecualian prosedur tender/sebut harga dan penyaluran dana hanya diterima pada tahun 2017 serta bil dari pembekal lewat diterima;
- ii. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak - bil lewat diterima dan peruntukan tambahan yang diluluskan diterima selepas tarikh tutup akaun;
- iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar - pembayaran bagi kos operasi dan penyelenggaraan Loji Biogas yang melibatkan kos bagi tahun 2014 hingga 2016 lewat dibuat kerana perubahan Kod Perbelanjaan daripada Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- iv. Jabatan Hutan Sarawak - bil pembekal hanya diterima selepas tarikh tutup akaun; dan
- v. Pentadbiran Bahagian Betong - tuntutan elauan lewat dikemukakan, bil lewat diterima dan peruntukan tambahan diterima selepas tarikh tutup akaun.

Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.18**.

JADUAL 4.18
KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT
BAYARAN DI BAWAH AP 58(a) BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BILANGAN BAUCAR		2017 (RM)	2016 (RM)	PERUBAHAN	
		2017	2016			(RM)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	149	67	4,975,594	601,694	4,373,900	726.9
2.	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak	139	-	2,763,108	-	2,763,108	100.0
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3	-	2,479,477	-	2,479,477	100.0
4.	Jabatan Hutan Sarawak	13	14	233,887	10,009	223,878	2,236.8
5.	Pentadbiran Bahagian Betong	10	5	116,411	3,773	112,638	2,985.4
6.	Kementerian/Jabatan Lain	347	302	3,702,141	14,571,346	-10,869,205	-74.6
JUMLAH		661	388	14,270,618	15,186,822	-916,204	-6.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan terimaan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Pada akhir tahun 2017, sejumlah RM210.22 juta pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pinjaman yang diterima meningkat kepada RM210.22 juta pada tahun 2017 berbanding RM19.96 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM190.26 juta atau 953.2%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.19**.

JADUAL 4.19
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-	-	-	-
Terimaan	210.22	19.96	190.26	953.2
Pindahan	210.22	19.96	190.26	953.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	-	-	-	-

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.5.3. Pinjaman yang diterima meningkat disebabkan pertambahan dalam jenis pinjaman iaitu bagi Projek Perindustrian sejumlah RM36.72 juta dan Projek Pembetungan Najis dan Perparitan sejumlah RM16.43 juta. Selain itu, pinjaman bagi Projek Bekalan Air juga meningkat sejumlah RM131.85 juta atau 7,449.2% berbanding tahun 2016. Pinjaman yang diterima mengikut jenis bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.20**.

JADUAL 4.20
PINJAMAN YANG DITERIMA
MENGIKUT JENIS PROJEK BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JENIS PROJEK	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	133.62	1.77	131.85	7,449.2
2.	Perindustrian	36.72	-	36.72	100.0
3.	Projek Ladang	23.45	18.19	5.26	28.9
4.	Pembetungan Najis dan Perparitan	16.43	-	16.43	100.0
JUMLAH		210.22	19.96	190.26	953.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang merangkumi Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran Kumpulan Wang ini diurus mengikut arahan dan terma amanah tersebut. Pada tahun 2017, baki akhir

terkumpul berjumlah RM7.48 bilion iaitu menurun sejumlah RM369.46 juta atau 4.7% berbanding RM7.85 bilion pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.21
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	4,442.91	4,890.35	-447.44	-9.1
2.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	2,381.63	2,123.23	258.40	12.2
3.	Kumpulan Wang Amanah Awam	231.33	216.23	15.10	7.0
4.	Deposit	144.01	325.98	-181.97	-55.8
5.	Akaun Kena Bayar	279.69	293.24	-13.55	-4.6
JUMLAH		7,479.57	7,849.03	-369.46	-4.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada Pemberian Persekutuan dalam bentuk Geran Bayaran Balik, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Lain-lain Agensi serta terimaan Pelbagai Sumber. Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam akta tersebut.

4.6.1.1. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM3.84 bilion meningkat sejumlah RM371.42 juta atau 10.7% berbanding terimaan pada tahun 2016. Terimaan ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM33.47 juta, Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM3.50 bilion, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM210.22 juta, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Lain-lain Agensi berjumlah RM91.34 juta dan terimaan Pelbagai Sumber berjumlah RM6.29 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
TERIMAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JENIS TERIMAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PEMBERIAN PERSEKUTUAN					
1.	a. Geran Bayaran Balik	9.61	9.43	0.18	1.9
	b. Geran Infrastruktur	23.86	23.86	-	-
SUMBER LAIN					
2.	a. Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	3,500.00	3,300.00	200.00	6.1

BIL.	JENIS TERIMAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
	b. Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	210.22	19.96	190.26	953.2
	c. Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Lain-lain Agensi	91.34	115.58	-24.24	-21.0
	d. Pelbagai Sumber	6.29	1.07	5.22	487.9
JUMLAH		3,841.32	3,469.90	371.42	10.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.6.1.2. Surplus Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Pada akhir tahun 2017, baki surplus terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM4.44 bilion menurun sejumlah RM447.44 juta atau 9.1% berbanding RM4.89 bilion pada akhir tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.23**.

JADUAL 4.23
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Kredit Pada 1 Januari	4,890.35	5,339.46	-449.11	-8.4
Penerimaan	3,841.32	3,469.90	371.42	10.7
Perbelanjaan	4,288.76	3,919.01	369.75	9.4
(Kurangan)	(447.44)	(449.11)	1.67	0.4
BAKI KREDIT PADA 31 DISEMBER	4,442.91	4,890.35	-447.44	-9.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

- b. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM4.29 bilion berbanding RM3.92 bilion pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM369.75 juta atau 9.4%. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM4.29 bilion pada tahun 2017, 67.1% telah dibelanjakan oleh Kementerian untuk melaksanakan projek pembangunan manakala 32.9% adalah perbelanjaan bagi *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund* melalui geran pembangunan kepada agensi yang diluluskan untuk membiayai pembayaran balik pinjaman pelaburan, projek strategik dan nota tebus daripada institusi luar selaras dengan tujuan penubuhan akaun amanah berkenaan.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam

- a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam diwujudkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada 109 Akaun Amanah. Sebanyak 34 daripadanya perlu disediakan Penyata Akaun Tahunan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara manakala 75 yang lain hanya perlu

menyediakan Penyata Penyesuaian. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan diwujudkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ianya diwujudkan manakala Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada individu dan organisasi kepada Kerajaan Negeri. Sebanyak empat (4) Akaun Amanah baru iaitu Akaun Amanah Pelbagai Jabatan Ketua Menteri, Akaun Amanah Pembangunan SCORE (Sarawak Corridor of Renewable Energy), Akaun Amanah Projek-projek Pertanian Sarawak dan Akaun Amanah Bagi Projek, Program dan Aktiviti Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak daripada pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan diwujudkan pada tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM2.38 bilion iaitu meningkat sejumlah RM258.40 juta atau 12.2% berbanding tahun 2016 manakala baki Kumpulan Wang Amanah Awam adalah berjumlah RM231.33 juta iaitu meningkat sejumlah RM15.10 juta atau 7% berbanding RM216.23 juta pada akhir tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.24**.

**JADUAL 4.24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN DAN AWAM BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	PROJEK	BIL. AKAUN AMANAH		2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		PENYATA AKAUN TAHUNAN	PENYATA PENYESUAIAN			(RM Juta)	(%)
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN							
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	-	16	0.12	4.32	-4.20	-97.2
2.	Akaun Dana Kontingenensi	-	4	250.00	250.00	-	-
3.	Akaun Pinjaman	2	-	9.80	8.81	0.99	11.2
4.	Akaun Amanah Pelbagai	16	38	2,071.05	1,832.31	238.74	13.0
5.	Akaun Perniagaan	8	-	50.66	27.79	22.87	82.3
JUMLAH		26	58	2,381.63	2,123.23	258.40	12.2
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM							
1.	Amanah Khas	8	-	194.05	190.91	3.14	1.6
2.	Amanah Am	-	17	37.28	25.32	11.96	47.2
JUMLAH		8	17	231.33	216.23	15.10	7.0
JUMLAH KESELURUHAN		34	75	2,612.96	2,339.46	273.50	11.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Pembentangan Penyata Akaun di Dewan Undangan Negeri

Semakan Audit mendapati 13 daripada 34 Akaun Amanah yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, tujuh (7) daripada 13 Akaun Amanah tersebut masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri setakat bulan Mac 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.25**.

JADUAL 4.25
PENYATA AKAUN AMANAH BELUM DIBENTANG DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

BIL.	KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	PEGAWAI PENGAWAL	TAHUN PENYATA AKAUN
1.	<i>The State Road Maintenance Fund</i>	Setiausaha Kewangan Negeri	2006-2016
2.	<i>Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund</i>	Setiausaha Kewangan Negeri	2015-2016
3.	<i>Housing Loan Trust Account for the Low Income Group</i>	Setiausaha Tetap, Kementerian Perumahan	2016
4.	<i>The Sarawak Dewan Suarah Fund</i>	Setiausaha Tetap, Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti	2016
5.	<i>The Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) Trust Fund</i>	Setiausaha Kerajaan Negeri	2016
6.	<i>Urban Development Fund</i>	Setiausaha Tetap, Kementerian Perumahan	2016
7.	<i>The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund</i>	Setiausaha Kerajaan Negeri	2016

Sumber: Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak

c. Akaun Amanah yang Tidak Aktif

Seksyen 9(4), Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan pihak berkuasa kewangan boleh mengarah mana-mana Akaun Amanah hendaklah ditutup selepas semua liabiliti dijelaskan. Pada akhir tahun 2017, satu (1) akaun amanah daripada Akaun Amanah Pelbagai iaitu Akaun Amanah Lojmen Harian SESCO telah ditutup kerana Akaun Amanah tersebut sudah tidak aktif, berbaki sifar dan tidak diperlukan lagi. Selain itu, sebanyak 10 daripada 109 Akaun Amanah sudah tidak aktif sejak tahun 2013. Lima (5) daripada 10 akaun berkenaan berbaki debit antara RM135,459 hingga RM3.06 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.26**.

JADUAL 4.26
AKAUN AMANAH YANG TIDAK AKTIF BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AKAUN	BAKI AKHIR				
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN						
1.	<i>Sarawak Higher Education Fund Charitable Trust *</i>	4,705,913	4,705,913	4,705,913	4,705,913	4,705,913
2.	Akaun Perniagaan - Akaun Loji Premix	337,509	337,509	337,509	337,509	337,509
3.	Akaun Amanah 1 Azam Pelaburan *	-	-	-	-	-
4.	Akaun Pinjaman Komputer (Ahli Pentadbiran, DUN dan YDP Dewan)	-	-	-	-	-
5.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia *	1,537,279	1,537,279	1,537,279	1,537,279	1,537,279
6.	Pendahuluan Am - Jabatan Tanah dan Survei	(135,459)	(135,459)	(135,459)	(135,459)	(135,459)
7.	Akaun Agensi Kerajaan Malaysia	(378,809)	(378,809)	(378,809)	(378,809)	(378,809)
8.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	(485,016)	(485,016)	(485,016)	(485,016)	(485,016)
9.	Pengakap Sempadan	(615,613)	(615,613)	(615,613)	(615,613)	(615,613)
10.	Operasi Tentera	(3,062,643)	(3,062,643)	(3,062,643)	(3,062,643)	(3,062,643)
JUMLAH		1,903,161	1,903,161	1,903,161	1,903,161	1,903,161

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: * - Akaun Mencapai Lima (5) Tahun Tidak Aktif Mulai Tahun 2017

4.6.2.1. Akaun Penyelesaian Kerajaan

- a. Arahan Perbendaharaan 153 menyatakan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian Kerajaan yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2017, sembilan (9) Akaun Penyelesaian Kerajaan berjumlah RM7.48 juta masih belum diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.27**.

JADUAL 4.27
AKAUN PENYELESAIAN KERAJAAN YANG BELUM DISELESAIKAN

BIL.	AKAUN	BAKI PADA 31.12.2017 (DEBIT) (RM Juta)	CATATAN
1.	Akaun Penyelesaian Perbelanjaan Pembangunan Berbayar Balik	(2.40)	Tuntutan imbuhan balik telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 5 Disember 2017. Sejumlah RM1.18 juta telah diimbuh balik setakat bulan Februari 2018.
2.	Agenси Kerajaan Malaysia	(0.38)	Tidak aktif sejak tahun 2002.
3.	Agenси Kerajaan Brunei	(0.10)	Kerajaan Brunei Darussalam belum menyelesaikan amaun tertunggak walaupun Kerajaan Negeri Sarawak telah mengemukakan empat (4) surat tuntutan untuk imbuhan balik baki tersebut.
4.	Pengakap Sempadan	(0.61)	Tidak aktif sejak tahun 1966.
5.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	(0.49)	Tidak aktif sejak tahun 1966.
6.	Operasi Tentera	(3.06)	Tidak aktif sejak tahun 1966.
7.	Pendahuluan Am - Jabatan Tanah dan Survei	(0.14)	Permohonan hapus kira dan penutupan akaun telah dikemukakan kepada pihak berkuasa melalui Memorandum Rasmi rujukan 40/FIN/5-27 bertarikh 9 Oktober 2015. Bagaimanapun, tindakan hapus kira dan penutupan akaun belum diambil.
8.	Pendahuluan Am - Lain-lain Jabatan Negeri	(0.17)	Amaun ini melibatkan kes kehilangan wang awam akibat kecurian pada tahun 1992 yang belum selesai. Permohonan hapus kira telah dikemukakan kepada pihak berkuasa.
9.	Pelarasian Cek Tidak Laku	(0.13)	Pegawai Pengawal bagi cek berkenaan telah dikenal pasti dan dalam proses untuk mengutip balik atau proses hapus kira.
JUMLAH		(7.48)	

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

- b. Sebanyak empat (4) daripada sembilan (9) akaun tersebut iaitu Akaun Agensi Kerajaan Malaysia, Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia, Pengakap Sempadan dan Operasi Tentera yang tidak aktif sejak tahun 1966 dan tahun 2002 adalah berbaki debit berjumlah RM4.54 juta. Pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan Negeri Sarawak pada 8 Mac 2018 berhubung Akaun Penyelesaian Kerajaan yang belum diselesaikan.

4.6.2.2. Akaun Perniagaan

- a. Sebanyak lapan (8) Akaun Amanah diwujudkan dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak bagi tujuan memberi perkhidmatan dan

bekalan kepada Kementerian/Jabatan Negeri dan Persekutuan. Pada akhir tahun 2017, bil tertunggak berjumlah RM5.51 juta bagi tujuh (7) akaun amanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM816,542 atau 17.4% berbanding RM4.69 juta pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.28
KEDUDUKAN BIL TERTUNGGAK BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AKAUN AMANAH	JUMLAH BIL TERTUNGGAK		PERUBAHAN	
		2017 (RM)	2016 (RM)	(RM)	(%)
1.	Akaun Stor Tak Teruntuk	1,889,105	603,112	1,285,993	213.2
2.	Akaun Kenderaan dan Sewa Loji	1,959,675	2,361,130	-401,455	-17.0
3.	Akaun Petrol, Minyak dan Pelincir	747,378	815,374	-67,996	-8.3
4.	Akaun Penyenggaraan Loji (Jabatan)	540,227	540,227	-	-
5.	Akaun Perniagaan Am	320,240	320,240	-	-
6.	Akaun Penyenggaraan Loji (Pembangunan)	47,759	47,759	-	-
7.	Akaun Loji Premix	1,159	1,159	-	-
JUMLAH		5,505,543	4,689,001	816,542	17.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkanaan

- b. Sebahagian daripada bil ini telah lama tertunggak melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk mengutip balik mahupun membuat pelarasan hapis kira. Kedudukan bil yang tertunggak antara satu (1) hingga 40 tahun. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.29**.

JADUAL 4.29
TERTUNGGAK ANTARA SATU (1) HINGGA 40 TAHUN

BIL.	TEMPOH TERTUNGGAK	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	1 tahun	2016	0.04
2.	2 hingga 5 tahun	2012 - 2015	0.71
3.	6 hingga 10 tahun	2007 - 2011	0.47
4.	11 hingga 40 tahun	1966 - 2006	2.19
JUMLAH			3.41

Sumber: Penyata Akaun Amanah

- c. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Stor Tak Teruntuk adalah berjumlah RM1.89 juta pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM1.29 juta atau 213.2% berbanding RM0.60 juta pada tahun 2016. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 25 Januari 2018 telah meluluskan penutupan Akaun Stor Tak Teruntuk, dengan itu aset dan liabiliti akan dipindahkan ke Tabung Amanah yang baharu.
- d. Sehingga akhir tahun 2017, Akaun Loji Premix masih mempunyai baki stok premix bernilai RM0.61 juta dan bil tertunggak berjumlah RM1,159 sejak tahun 1989 masih belum diambil tindakan sewajarnya. Bagaimanapun,

permohonan hapus kira telah dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri pada 1 Februari 2018 dan akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Hapus Kira Aset Awam dan Wang Awam Kerajaan Negeri untuk pertimbangan sebelum penutupan akaun tersebut.

- e. Akaun Perniagaan Kuari telah berbaki sifar sejak tahun 2015. Bagaimanapun, permohonan untuk menutup akaun tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak pada awal bulan April 2017. Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak dan Jabatan Kerja Raya sedang dalam proses menutup akaun-akaun amanah yang lain sekiranya tidak lagi diperlukan.

4.6.2.3. Akaun Pinjaman

- a. Akaun ini terdiri daripada Akaun Pinjaman Pengangkutan dan Komputer bagi ahli pentadbiran, Speaker dan ahli Dewan Undangan Negeri serta Akaun Pinjaman Pengangkutan, Komputer, Peti Sejuk, Dapur Masak/Oven Dan Mesin Basuh bagi kakitangan Kerajaan Negeri Sarawak.
- b. Pada tahun 2017, baki akhir terkumpul Akaun Pinjaman adalah berjumlah RM9.80 juta iaitu meningkat sejumlah RM0.99 juta atau 11.2% berbanding RM8.81 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan bayaran balik pinjaman melebihi pinjaman yang diberi pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.30**.

**JADUAL 4.30
AKAUN PINJAMAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	8.81	10.61	-1.80	-17.0
Pinjaman Diberi	8.84	11.13	-2.29	-20.6
Bayaran Balik Pinjaman	9.83	9.33	0.50	5.4
BAKI KREDIT PADA 31 DISEMBER	9.80	8.81	0.99	11.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.6.2.4. Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund (GCTAATF)

- a. *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund (GCTAATF)* telah diwujudkan pada tahun 2005 di bawah *Section 4(3) of The Financial Procedures (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963*. Tujuan GCTAATF diwujudkan ialah untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan projek atau melabur dalam badan korporat di bawah Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan bagi menggalakkan

pertumbuhan ekonomi, sosial atau pendidikan di Negeri Sarawak. Operasi GCTAATF tertakluk kepada *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Direction 2005* dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

- b. Bagi tahun 2013 hingga 2017, GCTAATF telah menerima geran berjumlah RM7.37 bilion daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Sarawak dan sejumlah RM7.53 bilion telah dibayar kepada anak syarikat Kerajaan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM156.87 juta atau 2.1% perbelanjaan telah melebihi keseluruhan peruntukan yang disalurkan bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.31**.

JADUAL 4.31
KEDUDUKAN TERIMAAN DAN BAYARAN
BAGI KUMPULAN WANG AMANAH GCTAATF BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENDAPATAN FAEAHAD DARIPADA SIMPANAN TETAP (RM Juta)	AGIHAN KEPADAS YARIKAT KERAJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
2013	1,747.29	11.30	2,005.79	1.24
2014	1,528.81	7.76	1,465.37	72.44
2015	1,347.93	3.18	1,367.75	55.80
2016	1,335.15	12.85	1,357.44	46.36
2017	1,410.50	9.91	1,330.20	136.57

Sumber: Penyata Kewangan *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund*

- c. Analisis Audit mendapati peruntukan kepada GCTAATF meningkat sejumlah RM75.35 juta atau 5.6% daripada RM1.34 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.41 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan peruntukan yang diterima pada tahun 2017 adalah 100% atau sejumlah RM1.41 bilion berbanding 94.1% atau sejumlah RM1.34 bilion daripada RM1.42 bilion peruntukan yang dimohon pada tahun 2016.
- d. Peruntukan yang diagihkan pada tahun 2017 adalah merupakan pembayaran untuk empat (4) pinjaman iaitu *USD800 Million 4.25% Guaranteed and Secured Notes Due 2022* untuk SSG Capital Resources Sdn. Bhd., *USD350 Million 5.925% Guaranteed Fixed Rate Amortising Notes Due 2026* untuk Sarawak Capital Assets Sdn. Bhd., *USD800 Million Guaranteed and Secured Notes Due 2026* untuk Equisar Sdn. Bhd. dan *Sukuk Murabahah Programme of RM1.50 Billion Due 2029* untuk Aquasar Capital Sdn. Bhd. (*Malaysia Trustees Berhad - Reserve Account*). Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah USD200 juta yang telah dipulangkan kepada SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd. bagi tujuan pembayaran kos pentadbiran masih belum dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Keputusan mengenai perkara tersebut adalah tertakluk kepada penyusunan semula program pelaburan kewangan Negeri.

- e. Perbelanjaan tahun 2013 adalah yang tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun seperti **Jadual 4.32**.

JADUAL 4.32
PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN GOVERNMENT CONTRIBUTIONS
TOWARDS APPROVED AGENCIES TRUST FUND BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	248.44	1.24	72.44	55.80	46.36
Terimaan Termasuk Faedah	1,758.59	1,536.57	1,351.11	1,348.00	1,420.41
Pelaburan dan Obligasi Setiausaha Kewangan Negeri (Perbadanan)	2,005.79	1,465.37	1,367.75	1,357.44	1,330.20
BAKI PADA 31 DISEMBER	1.24	72.44	55.80	46.36	136.57

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.6.2.5. *The State Road Maintenance Fund*

- a. *The State Road Maintenance Fund* diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Akaun ini diwujudkan di bawah *Section 4(3) Financial Procedure (Contingencies and Trust Fund) Ordinance, 1963*. Analisis Audit mendapati baki terkumpul *The State Road Maintenance Fund* bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM625.60 juta, menurun sejumrah RM142.56 juta atau 18.6% berbanding RM768.16 juta pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.33**.

JADUAL 4.33
PERBANDINGAN BAKI THE STATE ROAD
MAINTENANCE FUND BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	798.31	970.24	991.32	826.71	768.16
Terimaan	811.22	762.06	779.38	822.53	847.18
TERIMAAN TERKUMPUL	1,609.53	1,732.30	1,770.70	1,649.24	1,615.34
Agihan dan Peratus (%)	639.29 78.8	740.98 97.2	943.99 121.1	881.08 107.1	989.74 116.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	970.24	991.32	826.71	768.16	625.60
PERUBAHAN BAKI TERKUMPUL (%)	21.5	2.2	-16.6	-7.1	-18.6
Perbelanjaan Sebenar	522.30	683.82	904.32	889.16	948.91
PERATUS PERBELANJAAN SEBENAR (%)	64.4	89.7	116.0	108.1	112.0
PANJANG JALAN MARRIS (KM)	30,269.83	29,489.51	30,390.44	33,513.33	29,522.02

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Untuk Akaun Tabung Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran

- b. Selain itu, panjang jalan yang berdaftar untuk Negeri Sarawak di bawah *Malaysia Road Record Information System (MARRIS)* setakat akhir tahun

2017 adalah 29,522.02 kilometer iaitu penurunan sebanyak 3,991.31 kilometer atau 11.9% berbanding 33,513.33 kilometer pada tahun 2016.

- c. Bagi tahun 2013 hingga 2017, *The State Road Maintenance Fund* telah menerima sejumlah RM4.02 bilion yang terdiri daripada geran Persekutuan serta pelarasan sejumlah RM4.19 bilion atau 104.2% daripada peruntukan yang diterima telah diagihkan kepada Jabatan/Agensi pelaksana. Pada tahun 2017, sejumlah RM1.06 bilion daripada RM4.02 bilion telah diagihkan kepada Jabatan/Agensi dan hanya RM948.91 juta atau 89.7% telah dibelanjakan.

4.6.2.6. *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund*

- a. *The Forest Concession (Rehabilitation and Development) Trust Fund* diwujudkan di bawah *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund Ordinance, 1985*. Tujuan akaun amanah ini adalah untuk memulihkan ekonomi, sosial dan pembangunan masyarakat setempat yang terjejas akibat aktiviti pembalakan dengan menyedia dan menaik taraf kemudahan infrastruktur awam dan sosial, meningkatkan tahap kesihatan dan pendidikan serta menjalankan aktiviti untuk kepentingan dan faedah masyarakat setempat. Pada tahun 2017, baki akhir terkumpul adalah berjumlah RM139.89 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.36 juta atau 4% berbanding RM134.53 juta pada tahun 2016.
- b. Analisis Audit pada tahun 2017 mendapat sejumlah RM126.77 juta atau 90.6% daripada RM139.89 juta masih digunakan untuk aktiviti pelaburan. Analisis Audit seterusnya bagi tahun 2013 hingga 2017 mendapat 90.6% hingga 97.1% daripada baki *The Forest Concession (Rehabilitation and Development) Trust Fund* telah digunakan untuk pelaburan.

4.6.2.7. *Infrastructure Development Trust Fund*

- a. *Infrastructure Development Trust Fund* diwujudkan pada 15 September 1986 di bawah Seksyen 9(3), Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi tujuan memberi pinjaman kewangan kepada syarikat swasta untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur. Pada akhir tahun 2017, baki akhir terkumpul adalah berjumlah RM45.11 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.01 juta atau 2.3% berbanding RM44.10 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam *default interest*. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.34**.

JADUAL 4.34
PRESTASI TERIMAAN DAN BAYARAN
INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT TRUST FUND BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	40.64	41.58	42.52	43.39	44.10
Terimaan	0.94	0.94	0.87	0.71	1.01
Perbelanjaan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
BAKI PADA 31 DISEMBER	41.58	42.52	43.39	44.10	45.11

Sumber: Penyata Akaun *Infrastructure Development Trust Fund*

- b. Baki pinjaman sejumlah RM1.26 juta dan *default interest* berjumlah RM1.39 juta masih belum dilunaskan oleh Kumpulan Parabena Sdn. Bhd. (Syarikat). Syarikat telah membuat bayaran kali terakhir pada tahun 2012 sejumlah RM330,000. Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak telah mengeluarkan surat pemberitahuan penjadualan semula bayaran balik kepada Syarikat. Sehingga akhir tahun 2017, tiada sebarang bayaran pinjaman diterima.

4.6.3. Akaun Deposit

- 4.6.3.1. Akaun Deposit adalah wang yang disimpan bagi tujuan tertentu dan perlu dikembalikan atau diselaraskan selepas tujuannya dicapai. Pada akhir tahun 2017, Akaun Deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM181.97 juta atau 55.8% menjadi RM144.01 juta berbanding RM325.98 juta pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.35**.


JADUAL 4.35
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JENIS DEPOSIT	BILANGAN PENDEPOSIT		BAKI DEPOSIT (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2017	2016	2017	2016	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	12,081	9,964	123.00	92.01	30.99	33.7
2.	Deposit Khas	1,145	4,142	21.01	233.97	-212.96	-91.0
JUMLAH		13,226	14,106	144.01	325.98	-181.97	-55.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkanaan

- 4.6.3.2. Trend baki Akaun Deposit bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 hingga tahun 2015 manakala pada tahun 2016 dan 2017 menunjukkan penurunan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 4.7**.

CARTA 4.7
TREND BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak

4.6.3.3. Arahan Perpendaharaan 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas diwartakan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Analisis Audit mendapati sebahagian deposit ini telah lama tertunggak iaitu melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk membayar balik kepada pendeposit maupun membuat pelarasan ke Akaun Hasil. Kedudukan deposit tertunggak adalah antara satu (1) hingga 55 tahun. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
PENGUMURAN DEPOSIT ANTARA SATU (1) HINGGA 55 TAHUN

BIL.	TEMPOH DEPOSIT	DEPOSIT KHAS (RM Juta)	DEPOSIT AM (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	1 tahun	7.88	89.58	97.46
2.	2 hingga 5 tahun	5.27	23.77	29.04
3.	6 hingga 10 tahun	3.98	2.29	6.27
4.	11 hingga 55 tahun	3.88	7.36	11.24
JUMLAH		21.01	123.00	144.01

Sumber: Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hutan

4.6.4. Akaun Kena Bayar

4.6.4.1. Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Pada tahun 2017, bayaran untuk AKB berjumlah RM279.69 juta menurun sejumrah RM13.55 juta atau 4.6% berbanding RM293.24 juta pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.37**.

JADUAL 4.37
AKAUN KENA BAYAR MENGIKUT
KEMENTERIAN/JABATAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kementerian Utiliti Sarawak	50.15	24.45	25.70	105.1
2.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak	20.30	9.82	10.48	106.7
3.	Pelbagai Jabatan (5 Jabatan) *	3.50	0.84	2.66	316.6
4.	Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak	4.25	1.90	2.35	123.6
5.	Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan***	3.70	2.80	0.90	32.1
6.	Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti***	1.47	3.80	-2.33	-61.3
7.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	34.44	61.59	-27.15	-44.1
8.	Jabatan Ketua Menteri	36.70	47.38	-10.68	-22.5
9.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	2.46	9.99	-7.53	-75.3
10.	Kementerian Kewangan **	105.50	108.90	-3.40	-3.1
11.	Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan	11.12	13.67	-2.55	-18.6
12.	Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar	6.03	7.55	-1.52	-20.1
13.	Kementerian Perumahan dan Urbanisasi	0.07	0.55	-0.48	-87.2
JUMLAH		279.69	293.24	-13.55	-4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota:

* - Termasuk Dewan Undangan Negeri Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri, Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak

** - Kementerian Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri

*** - Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan telah digabung dengan Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti

4.6.4.2. Analisis Audit terhadap AKB mendapati empat (4) Kementerian/ Jabatan menunjukkan peningkatan yang tertinggi pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.38**.

JADUAL 4.38
PERBELANJAAN AKAUN KENA BAYAR YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	(RM Juta)	CATATAN
1.	Kementerian Utiliti Sarawak	50.15	Pengeluaran peruntukan bagi Projek <i>Proposed Pipeline for Darul Hana Programme</i> dan Projek Persekutuan. Bayaran untuk tiket penerbangan, caj penginapan serta pembayaran interim bagi projek-projek seperti " <i>Handling, Transportation and Distribution of Portable Water To Drought or Equivalent Disaster Affected Areas Within Siburan and Padawan District</i> ", " <i>Proposed Implementation of Non Revenue (NRW) Reduction Works for JKR Bau Water Supply</i> " dan " <i>Proposed Electro-Chlorination System for Slabi Water Treatment Plant, Serian</i> ".
2.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak	20.30	Bayaran bagi tiket penerbangan dan penginapan pakej cuti tahunan serta urusan rasmi, pembayaran kerja-kerja membersihkan sungai-sungai di Sarawak dan pembayaran interim bagi projek-projek seperti "Menaik taraf Parit di Kampung Dagang, Bekenu, Miri, " <i>Proposed Upgrading Works at Pueh Irrigation Scheme, Sematan Kuching</i> " dan " <i>Proposed Upgrading Works at Sekuduk Chupak Irrigation Scheme, Kuching</i> ".
3.	Pelbagai Jabatan (5 Jabatan) *	3.50	Bayaran bagi penyenggaraan serta mengindahkan sekitar kawasan bangunan Astana, bayaran tuntutan pembelian cenderamata, pembayaran <i>Cost of Legal Authorities Data Bank (LADA)</i> & <i>Case Management System (CAMS)</i> , serta bayaran membekal dan mencetak buku istiadat, kupon


BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	(RM Juta)	CATATAN
			makan serta keperluan pejabat dan bayaran bagi tiket penerbangan serta penginapan.
4.	Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak	4.25	Bayaran membekal barang kepada penerima Geran Pelancaran 2017 serta bayaran wang bantuan bencana. Bayaran menyediakan perkhidmatan Program Pembangunan Kemahiran dan Pemadaman Kerja serta bayaran melibatkan waran peruntukan yang diturunkan kepada agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan Pejabat Daerah Belaga.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: * - Termasuk Dewan Undangan Negeri Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri, Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak

4.6.4.3. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2014 dan 2015 manakala tahun 2016 dan 2017 menunjukkan penurunan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 4.8**.

CARTA 4.8
KEDUDUKAN AKAUN KENA BAYAR BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2017, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM6.86 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Pemberian Persekutuan dan Bayaran Balik. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM6.60 bilion. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mencatat lebihan dana berjumlah RM264.29 juta berbanding kurangan dana berjumlah RM272.77 juta pada akhir tahun 2016. Peningkatan sebanyak 196.9% ini disebabkan oleh peningkatan kutipan hasil sejumlah RM954.16 juta. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 4.39**.

JADUAL 4.39
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	6,864.21	5,910.05	954.16	16.1
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	2,311.16	2,263.81	47.35	2.1
(-) Belanja Pembangunan	4,288.76	3,919.01	369.75	9.4
JUMLAH PERBELANJAAN	6,599.92	6,182.82	417.10	6.7
LEBIHAN/(KURANGAN)	264.29	-272.77	537.06	196.9
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	210.22	19.96	190.26	953.2
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	131.10	149.94	-18.84	-12.6
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-605.61	102.87	-708.48	-688.71
JUMLAH PEMBIAYAAN	-264.29	272.77	-537.06	-196.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam dan pelbagai liabiliti. Nilai aset yang diakaunkan dalam Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM6.75 bilion meningkat sejumlah RM52.86 juta atau 0.8% berbanding tahun sebelumnya. Liabiliti Kerajaan Negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM61.70 juta atau 2.6% kepada RM2.47 bilion pada akhir tahun 2017 berbanding RM2.41 bilion pada akhir tahun 2016.

4.8.2. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan Negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2017, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM37.65 juta atau 1.5% daripada RM2.45 bilion pada tahun 2016 menjadi RM2.41 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti Jadual 4.40.

JADUAL 4.40
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	NAMA AGENSI/PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	2,179.58	2,211.33	-31.75	-1.4
2.	Syarikat	230.91	236.93	-6.02	-2.5
3.	Skim Pinjaman Pelajar	0.54	0.42	0.12	28.6
	JUMLAH	2,411.03	2,448.68	-37.65	-1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.8.1.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2017, sejumlah RM59.29 juta pinjaman dikeluarkan dan sejumlah RM91.92 juta bayaran balik diterima. Sejumlah RM90.92 juta bayaran telah diterima daripada Badan Berkanun Negeri dan sejumlah RM1 juta diterima daripada syarikat. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.41**.

JADUAL 4.41
PERGERAKAN PINJAMAN DAN BAYARAN BALIK BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2017 (RM Juta)	PINJAMAN BARU/ KELUARAN BAKI PINJAMAN (RM Juta)	KERUGIAN DALAM TUKARAN WANG ASING (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2017 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	852.34	-	-	13.56	838.78
2.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	324.42	*4.88	-	**11.16	318.14
3.	Lembaga Air Kuching	329.68	16.54	-	19.39	326.83
4.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	298.27	20.04	-	20.08	298.23
5.	Lembaga Air Sibu	163.24	9.71	-	-	172.95
6.	Lembaga Pelabuhan Miri	112.76	-	-	3.74	109.02
7.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	80.19	-	-	19.36	60.83
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	22.85	-	-	-	22.85
9.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	8.53	-	-	0.22	8.31
10.	Lembaga Kemajuan Bintulu	8.97	-	-	1.33	7.64
11.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	2.08	-	-	2.08	-
12.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis	8.00	8.00	-	-	16.00
JUMLAH		2,211.33	59.17	-	90.92	2,179.58
SYARIKAT						
1.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	86.50	-	-	-	86.50
2.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	53.59	-	5.02	-	48.57
3.	Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.	45.84	-	-	-	45.84
4.	Permodalan Assar Sdn. Bhd.	25.00	-	-	-	25.00
5.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	18.00	-	-	1.00	17.00
6.	Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd.	5.00	-	-	-	5.00
7.	Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd.	3.00	-	-	-	3.00
JUMLAH		236.93	-	5.02	1.00	230.91
SKIM PINJAMAN PELAJAR						
1.	Skim Pinjaman Pelajar	0.42	0.12	-	-	0.54
JUMLAH		0.42	0.12	-	-	0.54
JUMLAH KESELURUHAN		2,448.68	59.29	5.02	91.92	2,411.03

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

Nota: * - Pelarasan Pengeluaran Pinjaman Pada Tahun 2015

** - Sejumlah RM0.58 Juta Merupakan Bayaran Balik Tahun 2008 Tetapi Hanya Diambil Kira Dalam Tahun 2017


4.8.1.3. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.42** dan **Carta 4.9**.

JADUAL 4.42
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	NAMA AGENSI/ PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	2,243.52	2,217.55	2,208.63	2,211.33	2,179.58
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	3.09	1.81	0.53	-	-
3.	Syarikat	224.72	227.28	235.84	236.93	230.91
4.	Skim Pinjaman Pelajar	0.50	0.42	0.42	0.42	0.54
JUMLAH		2,471.83	2,447.06	2,445.42	2,448.68	2,411.03

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

CARTA 4.9
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri

4.8.1.4. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut

- Pada tahun 2017, ansuran pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.13 bilion terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa dan tunggakan tahun terdahulu. Bagaimanapun, pada tahun 2017 hanya sejumlah RM107.79 juta bayaran balik diterima yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM91.34 juta dan faedah berjumlah RM16.45 juta.
- Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 berjumlah RM1.03 bilion meningkat sejumlah RM66.97 juta atau 7% berbanding pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan 12 daripada 17 agensi tidak membuat pembayaran balik tunggakan atau membayar sebahagian daripada pinjaman yang matang pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.43**.

JADUAL 4.43
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2017 (RM Juta)	PELARASAN TAHUN SEBELUMNYA DIAMBIL KIRA DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	TUNGGAKAN SELEPAS PELARASAN PADA 01.01.2017 (RM Juta)	ANUITI 2017 (RM Juta)	PELARASAN TAHUN 2017 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2017 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI									
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	356.87	-	356.87	69.04	-	425.91	23.57	402.34
2.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	115.44	-0.58	114.86	20.91	-	135.77	10.58	125.19
3.	Lembaga Pelabuhan Miri	111.98	-	111.98	14.84	-	126.82	4.05	122.77
4.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	48.42	-	48.42	19.36	-	67.78	19.36	48.42
5.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	48.17	-	48.17	25.14	-	73.31	25.14	48.17
6.	Lembaga Air Sibu	14.15	-	14.15	9.61	-	23.76	-	23.76
7.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	-	-	-	0.56	-	0.56	0.56	-
8.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	2.19	-	2.19	-	-	2.19	2.19	-
9.	Lembaga Air Kuching	2.20	-	2.20	18.50	-	20.70	19.40	1.30
10.	Lembaga Kemajuan Bintulu	-	-	-	1.49	-	1.49	1.49	-
PERBADANAN/SYARIKAT									
11.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	140.75	-	140.75	-	-8.79	131.96	-	131.96
12.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	86.50	-	86.50	-	-	86.50	-	86.50
13.	Amanah Saham Sarawak Bhd.	25.22	-	25.22	2.23	-	27.45	-	27.45
14.	Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd.	4.00	-	4.00	1.00	-	5.00	-	5.00
15.	Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd.	3.00	-	3.00	-	-	3.00	-	3.00
16.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	-	-	-	1.45	-	1.45	1.45	-
JUMLAH		958.89	-0.58	958.31	184.13	-8.79	1,133.65	107.79	1,025.86

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

- c. Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 28 pinjaman yang sepatutnya selesai pembayaran

masih belum dijelaskan sepenuhnya. Ia melibatkan empat (4) Badan Berkanun Negeri dan empat (4) syarikat. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.44**.

JADUAL 4.44
PINJAMAN YANG SEPATUTNYA SELESAI TETAPI
BELUM DIJELASKAN SEPENUHNYA PADA AKHIR TAHUN 2017

NO. PINJAMAN	SYARAT BAYARAN BALIK	TARIKH SEPATUT SELESAI	BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2017 (RM)	CATATAN
1. LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK (SALCRA)				
C/SFS/458 bth. 30.12.1981	Sembilan (9) anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1988	30.12.1997	280,444	Permohonan pertukaran status pinjaman kepada geran tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 1 Julai 2016. Bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri sedang dalam usaha mengangkat rayuan semula pertukaran status ini kepada pihak atasan Kerajaan Persekutuan.
C/SFS/458/(26) bth. 27.12.1982	Sembilan (9) anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1989	30.12.1998	7,311,111	
SFS/05980/L (35) bth. 27.04.1984	15 anuiti, bayaran pertama pada 19.12.1994	30.12.2009	322,000	
C/SFS/477/1/ (14) bth. 22.07.1985	15 anuiti, bayaran pertama pada 17.07.1996	17.07.2011	857,900	
C/SFS/SALCRA/ 5/1 bth. 06.10.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 06.10.1999	06.10.2014	2,242,760	
C/SFS/SALCRA/ 5/1 bth. 06.10.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999	22.10.2014	4,400,000	
C/SFS/SALCRA/ 5/1 bth. 06.10.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999	22.10.2014	1,500,000	
C/SFS/SALCRA/ 6/(4) bth. 03.05.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999	22.10.2014	2,606,300	
C/SFS/SALCRA/ 5/1 bth. 06.10.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999	22.10.2014	2,528,230	
C/SFS/SALCRA/ 9/(19) bth. 04.04.1988	15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999	22.10.2014	2,096,330	
C/SFS/SALCRA/ 1 bth. 14.01.1989	15 anuiti, bayaran pertama pada 14.01.2000	14.01.2015	2,017,510	
C/SFS/481 bth. 27.07.1984	Enam (6) anuiti, bayaran pertama pada 21.02.1987	21.02.1993	6,497,000	SALCRA telah mengambil tindakan untuk permohonan hapus kira bagi kesemua pinjaman ini. Bagaimanapun, SALCRA dipohon untuk mengemukakan maklumat yang lebih terperinci selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kerja Penstrukturkan Pinjaman Kerajaan yang telah bermesyuarat pada 13 Julai 2015. Namun demikian, SALCRA sedang mendapatkan pandangan daripada pihak atasan untuk menyediakan kertas cadangan yang lebih komprehensif dan teratur. Notis peringatan telah dikemukakan kepada SALCRA untuk bayaran tunggakan pada 28 Mac 2018.
C/SFS/356/11 bth. 07.03.1983	12 anuiti, bayaran pertama pada 07.03.1992	30.12.2004	17,165,993	
C/SFS/SALCRA/ 12 bth. 08.11.1990	12 anuiti, bayaran pertama pada 15.09.1999	15.09.2013	1,533,283	
2. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH (LCDA)				
LCDA/2002/13 bth 03.12.2002	10 anuiti, bayaran pertama pada 13.12.2006	13.12.2016	11,275,500	Pejabat SFS telah mengemukakan Surat Peringatan setiap tahun untuk menjelaskan tunggakan pinjaman di samping surat peringatan bulanan daripada Akauntan Negeri.

NO. PINJAMAN	SYARAT BAYARAN BALIK	TARIKH SEPATUT SELESAI	BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2017 (RM)	CATATAN
LCDA/2000/01 bth 08.11.2000	10 anuiti, bayaran pertama pada 03.12.2007	03.12.2017	46,790,000	Pihak LCDA sedang berusaha memulakan pembayaran dan pembayaran berjumlah RM4.68 juta telah diterima pada Januari 2018.
3. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK (STIDC)				
STIDC/2001/01 bth. 18.09.2001	Lima (5) anuiti, bayaran pertama pada 07.06.2005	07.06.2010	41,470,000	Jawatankuasa Kerja Penstruktur Pinjaman Kerajaan melalui mesyuarat bertarikh 4 April 2016 telah meminta STIDC menambah baik cadangan permohonan penstruktur semula pinjaman. Dalam pada itu, Pejabat SFS telah mengemukakan Surat Peringatan setiap tahun untuk menjelaskan tunggakan pinjaman di samping Surat Peringatan bulanan daripada Akauntan Negeri. Notis Peringatan telah dikemukakan kepada STIDC untuk bayaran tunggakan pada 28 Mac 2018.
4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (HDC)				
C/SFS/HDC/7/4 bth. 05.06.1990	20 anuiti, bayaran pertama pada 15.06.1996	15.06.2016	413,778	Jawatankuasa Kerja Penstruktur Pinjaman Kerajaan melalui mesyuarat bertarikh 5 Mei 2016 telah meminta HDC menambah baik cadangan permohonan penstruktur semula pinjaman untuk 10 pinjaman yang paling kritis. Bagaimanapun, pihak HDC sedang berusaha untuk membuat pembayaran bagi kedua-dua pinjaman tersebut. Pada tahun 2017, HDC telah membayar dua anuiti bagi setiap pinjaman tersebut.
5. PERMODALAN ASSAR SDN. BHD.				
ASSAR/1999/01 bth. 27.04.1999	Satu (1) anuiti, bayaran pada 06.05.2007	06.05.2007	5,000,000	Pejabat SFS telah mengemukakan surat peringatan sejak tahun 2012 untuk menyelesaikan tunggakan ini dengan yang terkini pada 28 Mac 2018.
6. SARAWAK MEDICHEM PHARMACEUTICALS INC.(SMP)				
MediChem/1999/1 bth. 25.11.1999	Satu (1) anuiti, bayaran pada 19.03.2003	19.03.2003	20,237,500	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc. (dimiliki sepenuhnya oleh CRAUN Research Sdn. Bhd. anak syarikat LCDA) telah mengambil alih SMP pada 21 Disember 2006. Pihak SFS sedang menunggu pihak CRAUN membuat pembentangan mengenai status dan perancangan SMP untuk menyelesaikan pinjaman ini. Di samping itu, notis peringatan turut dikemukakan pada 28 Mac 2018.
SMP/2001/01 bth. 20.01.2001	Satu (1) anuiti, bayaran pada 10.02.2004	10.02.2004	8,095,000	
SMP/2000/01 bth. 27.11.2000	Satu (1) anuiti, bayaran pada 11.12.2004	11.12.2004	8,095,000	
SMP/2001/02 bth. 04.09.2001	Satu (1) anuiti, bayaran pada 28.09.2005	28.09.2005	2,023,750	
SMP/2001/03 bth. 29.10.2001	Satu (1) anuiti, bayaran pada 06.12.2005	06.12.2005	10,118,750	
7. SARAWAK MEDICAL CENTRE SDN. BHD. (SMC)				
SMC/2000/01 bth. 31.03.2000	10 anuiti, bayaran pertama pada 26.03.2002	26.03.2012	59,923,116	Pihak SFS sedang berurusan dengan pihak SMC untuk menyediakan semula kertas cadangan penstruktur semula pinjaman. Di samping itu, notis peringatan turut dikemukakan pada 28 Mac 2018.
SMC/2003/01 bth.11.04.2003	10 anuiti, bayaran pertama pada 13.03.2006	13.03.2016	26,573,426	

NO. PINJAMAN	SYARAT BAYARAN BALIK	TARIKH SEPATUT SELESAI	BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2017 (RM)	CATATAN
8. SERI SARAWAK PMC SDN. BHD.				
SERI/SL/2009/01 bth. 05.08.2009	Lima (5) anuiti, bayaran pertama pada 19.08.2012	19.08.2017	3,000,000	Lanjutan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penstrukturkan Pinjaman Kerajaan pada 16 Jun 2017, Pejabat SFS sedang berusaha untuk berurusan dengan Seri Sarawak untuk mendapatkan status terkini pinjaman. Di samping itu, notis peringatan turut dikemukakan pada 28 Mac 2018.
JUMLAH		297,004,069		

Sumber: Jabatan Perpendaharaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam Syarikat Awam, Syarikat Tidak Tersenarai dan Caruman bagi Penyertaan Ekuiti dibuat melalui Setiausaha Kewangan Negeri (Perbadanan) dan ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM4.34 bilion iaitu meningkat sejumblah RM90.51 juta atau 2.1% berbanding RM4.25 bilion pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.45**.

JADUAL 4.45
KEDUDUKAN PEGANGAN SAHAM SETIAUSAHA
KEWANGAN NEGERI (PERBADANAN) BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KATEGORI	BIL. SYARIKAT		NILAI BUKU SAHAM		PERUBAHAN	
		2017	2016	31.12.2017 (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan dalam Syarikat Awam	11	10	913.64	823.65	89.99	10.9
2.	Pelaburan dalam Syarikat Tidak Tersenarai	52	48	3,133.80	3,133.28	0.52	0.0*
3.	Caruman bagi Penyertaan Ekuiti	7	7	292.32	292.32	-	-
JUMLAH		70	65	4,339.76	4,249.25	90.51	2.1

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

Nota: * - Peratusan Sebenar Adalah 0.02%

4.8.2.2. Kerajaan Negeri telah membuat penambahan pelaburan dalam bentuk syer keutamaan boleh tebus di SI Capital Sdn. Bhd. serta pelaburan baru di Serba Dinamik Holdings Bhd., Petroleum Sarawak Bhd., Capital Development Resources (Sarawak) Sdn. Bhd., Gas Network (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Gas Resources (Sarawak) Sdn. Bhd. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.46**.

JADUAL 4.46
PERUBAHAN PELABURAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	PEGANGAN EKUITI (%)	2017 (RM)	2016 (RM)	PERUBAHAN	
					(RM)	(%)
1.	SI Capital Sdn. Bhd.	-	173,080,000	169,632,000	3,448,000	2.0
2.	Serba Dinamik Holdings Bhd.	4.49	90,000,000	-	90,000,000	100.0
3.	Petroleum Sarawak Bhd.	100.00	2	-	2	100.0
4.	Capital Development Resources (Sarawak) Sdn. Bhd.	100.00	1	-	1	100.0
5.	Gas Network (Sarawak) Sdn. Bhd.	100.00	1	-	1	100.0
6.	Gas Resources (Sarawak) Sdn. Bhd.	100.00	1	-	1	100.0
JUMLAH			263,080,005	169,632,000	93,448,005	55.1

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri


4.8.2.3. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.47** dan **Carta 4.10**.

JADUAL 4.47
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	KATEGORI	PELABURAN MENGIKUT NILAI BUKU DAN TAHUN				
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Pelaburan Dalam Syarikat Awam	902.62	795.42	795.42	823.65	913.64
2.	Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai	3,110.67	3,196.31	3,126.39	3,133.28	3,133.80
3.	Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti	292.32	292.32	292.32	292.32	292.32
JUMLAH		4,305.61	4,284.05	4,214.13	4,249.25	4,339.76

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

CARTA 4.10
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.8.2.4. Nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM1.92 bilion iaitu meningkat sejumrah RM213.36 juta atau 12.5% berbanding RM1.71 bilion pada tahun 2016. Dividen daripada pelaburan saham yang diterima pula adalah berjumlah RM1.82 bilion iaitu meningkat sejumrah RM639.70 juta atau 54.2% berbanding RM1.18 bilion pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.48**.

JADUAL 4.48
SENARAI SYARIKAT YANG MEMBAYAR DIVIDEN
PELABURAN KEPADA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	SYARIKAT	PEGANGAN EKUITI (%)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
SYARIKAT TERSENARAI							
1.	Axiata Group Bhd.	0.04	0.25	0.69	0.69	0.16	0.63
2.	Bintulu Ports Holdings Bhd.	26.67	36.81	33.13	30.68	29.45	26.99
3.	Malaysia Airport Holdings Bhd.	0.27	0.61	0.53	0.27	0.38	0.50
4.	Malaysian International Shipping Corporation	1.51	-	6.07	9.11	21.94	27.66
5.	Petronas Dagangan Bhd.	0.20	1.40	1.11	1.24	1.20	1.16
6.	Rimbunan Sawit Bhd.	5.36	0.76	-	-	-	-
7.	Sarawak Oil Palms Bhd.	7.93	-	1.75	1.72	-	3.99
8.	Sarawak Plantation Bhd.	25.47	3.56	9.97	2.14	3.20	-
9.	Serba Dinamik Holdings Bhd.	4.49	-	-	-	-	2.22
10.	Telekom Malaysia Bhd.	0.09	1.81	0.81	0.71	0.29	0.68
11.	Tenaga Nasional Bhd.	0.05	0.66	1.17	0.27	0.50	1.04
JUMLAH			45.86	55.23	46.83	57.12	64.87
SYARIKAT TIDAK TERSENARAI							
1.	Borneo Development Corporation Sdn. Bhd.	100.00	0.25	0.25	0.28	0.32	0.35
2.	Borneo Housing Mortgage Finance Bhd.	50.00	8.47	7.00	-	20.82	5.00
3.	Delegateteam Sdn. Bhd.	100.00	-	-	-	10.00	-
4.	Green Field Plantation Sdn. Bhd.	15.00	-	-	-	-	0.23
5.	LAKU Management Sdn. Bhd.	100.00	2.25	3.00	-	3.00	-
6.	Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd.	10.00	900.00	1,205.00	370.00	201.17	474.68
7.	Malaysia LNG Sdn. Bhd.	5.00	405.00	689.75	395.31	373.17	242.51
8.	Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd.	10.00	480.00	946.00	749.96	437.49	486.93
9.	Melemas Plantation Sdn. Bhd.	15.00	-	-	0.23	0.51	0.74
10.	MSB Pelita Plantation (Mukah) Sdn. Bhd.	15.00	-	-	-	-	0.37
11.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	100.00	-	0.60	0.15	0.60	0.60
12.	Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.	100.00	0.50	0.67	1.00	1.00	1.50
13.	Sarawak Technology Holdings Sdn. Bhd.	100.00	-	-	-	-	500.00
14.	SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd.	100.00	21.19	-	-	10.00	-
15.	Shell MDS (Malaysia) Sdn. Bhd.	7.00	38.50	31.50	23.45	49.70	35.00
16.	Shell Timur Sdn. Bhd.	10.00	10.50	21.50	-	11.20	6.00
17.	SOP Plantation (Borneo) Sdn. Bhd.	15.00	6.00	-	1.50	3.00	3.00

BIL.	SYARIKAT	PEGANGAN EKUITI (%)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
18.	Suajaya Mahir Crop Sdn. Bhd.	15.00	0.45	-	0.75	0.75	0.45
19.	Tamar Plantation Sdn. Bhd.	15.00	-	-	-	3.00	-
20.	Tawakal Megah Sdn. Bhd.	15.00	-	-	-	-	0.32
JUMLAH		1,873.11	2,905.27	1,542.63	1,125.73	1,757.68	
Jumlah Dividen Diterima		1,918.97	2,960.50	1,589.46	1,182.85	1,822.55	
Bayaran Balik LHDN		58.13	30.34	-	-	-	
JUMLAH KESELURUHAN		1,860.84	2,930.16	1,589.46	1,182.85	1,822.55	

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.8.2.5 Sebanyak sembilan (9) daripada 11 Syarikat Tersenarai telah membayar dividen pada tahun 2017 kecuali Rimbunan Sawit Bhd. dan Sarawak Plantation Bhd. Analisis Audit mendapati 36 daripada 52 Syarikat Tidak Tersenarai tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2017 iaitu 10 syarikat tidak membayar dividen bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 manakala sebanyak 26 syarikat pula tidak membayar dividen bagi tempoh 2010 hingga 2017. Pelaburan dalam anak syarikat yang tidak memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri perlu dikaji semula. Analisis Audit seterusnya mendapati empat (4) syarikat yang membayar dividen secara konsisten adalah syarikat yang berasaskan petroleum dan gas menyumbang sejumlah RM1.24 bilion atau 68% daripada keseluruhan dividen yang diterima.

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh meminjam di bawah kuasa Undang-undang Negeri dengan kelulusan Bank Negara mengikut Perkara 112B, Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2017, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM61.71 juta atau 2.6% kepada RM2.47 bilion berbanding RM2.41 bilion pada tahun 2016. Bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM148.52 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.49**.

JADUAL 4.49
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM JUTA)	(%)
1.	Bekalan Air	1,350.05	1,279.06	70.99	5.6
2.	Perumahan	386.58	424.79	-38.21	-9.0
3.	Perindustrian	314.43	299.87	14.56	4.9
4.	Pertanian	228.80	218.15	10.65	4.9

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM JUTA)	(%)
5.	Pembetungan Najis dan Perparitan	183.06	177.87	5.19	2.9
6.	Institusi Pelaburan	8.28	9.75	-1.47	-15.1
JUMLAH		2,471.20	2,409.49	61.71	2.6

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri


4.8.3.2. Kedudukan baki hutang awam tahun 2015 adalah yang tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.50** dan **Carta 4.11**.

JADUAL 4.50
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	1,102.84	1,154.56	1,333.30	1,279.06	1,350.05
2.	Pelbagai	431.74	468.80	520.61	487.49	505.77
3.	Perumahan	531.11	497.01	461.59	424.79	386.58
4.	Pertanian	201.67	210.02	220.13	218.15	228.80
JUMLAH		2,267.36	2,330.39	2,535.63	2,409.49	2,471.20

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

CARTA 4.11
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.8.3.3. Tunggakan bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM41.74 juta. Tunggakan sejumlah RM18.26 juta adalah disebabkan Kerajaan Negeri sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Kewangan Malaysia mengenai permohonan untuk menukar perjanjian pinjaman kepada geran. Sejumlah

RM23.48 juta termasuk faedah untuk pinjaman Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas juga masih menunggu maklum balas Kementerian Kewangan Malaysia berkenaan rayuan supaya pinjaman menggunakan mata wang Ringgit Malaysia bagi menggantikan mata wang Dolar Amerika sebagai mata wang pinjaman. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.51**.

JADUAL 4.51
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI
KEPADА KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	PROJEK	TUNGGAKAN (RM Juta)	CATATAN
1.	Penjadualan Semula Pinjaman Sektor Pelbagai Yang Dipinjamkan Kepada SALCRA Sejak Tahun 1996	18.26	Permohonan pertukaran status pinjaman kepada geran tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat ruj: S(42.00)248/24/1-6(13) bertarikh 1 Julai 2016. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang dalam usaha mengangkat rayuan semula pertukaran status ini kepada geran Kerajaan Persekutuan.
2.	Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas Yang Dipinjamkan Kepada SALCRA Sejak Tahun 1987	23.48	Rayuan telah dikemukakan kepada MOF pada 17 November 2016 agar pinjaman ini menggunakan mata wang Ringgit Malaysia untuk menggantikan mata wang Dolar Amerika sebagai mata wang pinjaman. Setakat ini, MOF belum memberi maklum balas. Surat susulan terkini kepada MOF adalah pada September 2017.
JUMLAH		41.74	

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.9 NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

4.9.1 Tunggakan Hasil

4.9.1.1. Tunggakan hasil merupakan sebahagian daripada Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2017, tunggakan hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM57.63 juta atau 32.2% kepada RM236.45 juta daripada RM178.82 juta pada tahun 2016. Hasil Royalti Air dan Lesen Penjanaan Elektrik, Jualan Stor dan Air, Premium Tanah, Royalti dan Permit serta Hasil Pelbagai menunjukkan peningkatan tunggakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.52**.

JADUAL 4.52
TUNGGAKAN HASIL BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JENIS TUNGGAKAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Dividen ¹	86.40	76.32	10.08	13.2
2.	Jualan Stor dan Air ²	55.20	50.43	4.77	9.5
3.	Premium Tanah ³	45.34	37.49	7.85	20.9
4.	Royalti dan Permit ⁴	2.63	2.39	0.24	10.0
5.	Pelbagai ⁵	46.88	12.19	34.69	284.6
JUMLAH		236.45	178.82	57.63	32.2

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota:

¹ Dividen Termasuk Dividen, Royalti Air dan Lesen Penjanaan Elektrik

² Jualan Stor dan Air Termasuk Jualan Air, Akaun Kenderaan dan Hasil Berkaitan Stor dan Loji

³ Premium Tanah Termasuk Premium Tanah, Sewa Tanah Serta Bayaran Luar dan Pemeriksaan

⁴ Royalti dan Permit Termasuk Royalti Hutan dan Hasil Berkaitan Hutan

⁵ Imbuhan Balik, Hasil Bukan Cukai dan Duti Hiburan

4.9.1.2. Analisis perbandingan antara kutipan hasil sebenar pada tahun 2017 berbanding tuggakan hasil pada tahun 2016 mendapati prestasi kutipan hasil meningkat sejumlah RM954.16 juta atau 16.1%. Tuggakan hasil meningkat sejumlah RM57.63 juta atau 32.2%. Peningkatan tuggakan hasil adalah seperti berikut:

- a. Tuggakan Royalti Air dan Penjanaan Elektrik meningkat sejumlah RM10.08 juta atau 13.2% pada tahun 2017 kepada RM86.40 juta berbanding RM76.32 juta pada tahun 2016. Ini disebabkan peningkatan dalam *nominated capacity* dan peningkatan permintaan air. Setakat bulan Februari 2018 sejumlah RM17.63 juta atau 20% daripada jumlah hasil tertunggak telah dijelaskan oleh Sarawak Hidro Power Sdn. Bhd. Kementerian Utiliti Sarawak juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat Sarawak Hidro Power Sdn. Bhd. bagi menjelaskan tuggakan tersebut.
- b. Tuggakan Jualan Stor dan Air meningkat sejumlah RM4.77 juta atau 9.5% pada tahun 2017 menjadi RM55.20 juta berbanding RM50.43 juta pada tahun 2016. Ini disebabkan pengguna tidak menjelaskan bil air yang digunakan. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar telah mengambil usaha untuk mengurangkan bil air tertunggak dengan melaksanakan saluran pembayaran melalui kaunter Bank Simpanan Nasional mulai Januari 2016 untuk memudahkan pengguna membayar bil air dan mengelak dari tertunggak. Di samping itu, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar juga sedang mengambil inisiatif memperkenalkan kaedah bayaran pukal bagi jabatan persekutuan di seluruh Sarawak bagi memudahkan bayaran bil air.
- c. Tuggakan Premium Tanah meningkat sejumlah RM7.85 juta atau 20.9% pada tahun 2017 kepada RM45.34 juta berbanding RM37.49 juta pada tahun 2016. Ini disebabkan lapan (8) pemilik tanah berskala besar gagal

menjelaskan ansuran premium dan cukai tanah berjumlah RM7.79 juta atau 99.1% daripada keseluruhan peningkatan tunggakan premium tanah. Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Tanah dan Survei adalah seperti mengeluarkan notis tuntutan secara bulanan, mengenakan kaveat, membenarkan bayaran berperingkat dan membaiki kaedah kutipan hasil dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil.

- d. Tunggakan Hasil Royalti dan Permit Hutan meningkat sejumlah RM0.24 juta atau 10% pada tahun 2017 kepada RM2.63 juta berbanding RM2.39 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan pertambahan bil yang dikeluarkan pada bulan November dan Disember 2017 belum dijelaskan. Bagaimanapun, sejumlah RM86,021 tunggakan hasil telah dikutip setakat 15 Mac 2018. Setakat ini hanya satu (1) permohonan hapus kira daripada 12 kes kesalahan balak telah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Penilaian Hapus Kira Aset Awam dan Wang Awam Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.
- e. Tunggakan Hasil Pelbagai meningkat sejumlah RM34.69 juta atau 284.6% kepada RM46.88 juta pada tahun 2017 berbanding RM12.19 juta pada tahun 2016 disebabkan tunggakan daripada sewaan bangunan pejabat kerajaan dan imbuhan balik daripada perbelanjaan pembangunan yang belum diselesaikan. Bagaimanapun, sejumlah RM1.18 juta tunggakan telah dikutip balik setakat bulan Mac 2018.

4.9.1.3. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2014 adalah tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.53** dan **Carta 4.12**.

**JADUAL 4.53
TUNGGAKAN HASIL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

BIL.	JENIS TUNGGAKAN HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Dividen ¹	60.53	55.45	43.16	76.32	86.40
2.	Jualan Stor dan Air ²	56.19	122.54	42.33	50.43	55.20
3.	Premium Tanah ³	37.35	38.84	57.48	37.49	45.34
4.	Royalti dan Permit ⁴	2.48	2.81	2.47	2.39	2.63
5.	Pelbagai ⁵	11.98	21.05	18.25	12.19	46.88
JUMLAH		168.53	240.69	163.69	178.82	236.45

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: ¹ Dividen Termasuk Dividen, Royalti Air dan Lesen Penjanaan Elektrik


² Jualan Stor dan Air Termasuk Jualan Air, Akaun Kenderaan dan Hasil Berkaitan Stor dan Loji

³ Premium Tanah Termasuk Premium Tanah, Sewa Tanah Serta Bayaran Luar dan Pemeriksaan

⁴ Royalti dan Permit Termasuk Royalti Hutan dan Hasil Berkaitan Hutan

⁵ Imbuhan Balik, Hasil Bukan Cukai dan Duti Hiburan

CARTA 4.12
TUNGGAKAN HASIL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik.

- baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 menunjukkan peningkatan sejumlah RM683.59 juta atau 2.3% iaitu sejumlah RM30.05 bilion pada tahun 2017 berbanding RM29.36 bilion pada tahun 2016;
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan surplus berjumlah RM1.05 bilion;
- kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 meningkat RM954.16 juta atau 16.1% kepada RM6.86 bilion berbanding RM5.91 bilion bagi tahun 2016;
- baki Pinjaman Boleh Dituntut turun sejumlah RM37.65 juta atau 1.5% daripada RM2.45 bilion pada tahun 2016 menjadi RM2.41 bilion pada tahun 2017; dan
- pelaburan saham dalam syarikat awam dan tidak tersenarai telah memberikan pulangan dividen RM1.82 bilion iaitu meningkat sejumlah RM639.70 juta atau 54.2% berbanding RM1.18 bilion pada tahun 2016.

4.10.2. Bagi memperkuatkannya lagi kedudukan dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri adalah disyorkan:

- Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan keberkesanan dalam pungutan hasil termasuk mengambil langkah yang lebih tegas untuk mengurangkan tunggakan hasil berjumlah RM236.45 juta. Tindakan tegas juga hendaklah diambil untuk

- menuntut tunggakan pinjaman berjumlah RM1.03 bilion daripada agensi dan syarikat;
- ii. pihak Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah memastikan perbelanjaan melebihi peruntukan adalah pada tahap minimum dan seterusnya mengurangkan pendahuluan daripada Dana Kontingensi untuk menampung lebihan perbelanjaan mengurus melalui kawalan bajet yang lebih rapi;
 - iii. pihak Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap Akaun Amanah yang tidak aktif, berbaki debit, bil tertunggak, baki tunggakan pinjaman dan Kumpulan Wang Amanah yang memerlukan tindakan susulan. Pegawai Pengawal berkenaan hendaklah mengambil langkah sewajarnya bagi membentangkan tujuh (7) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang telah disahkan tetapi masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri; dan
 - iv. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan baki bersih daripada dana USD200 juta yang masih dipegang oleh SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd. dikembalikan ke Kumpulan Wang Disatukan seperti mana yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Mei 2015.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 (2016 – 2020)

5.1. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan negeri bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020). Pelaksanaan projek baru dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah sebagai penggerak pembangunan Negeri Sarawak. Pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan dijalankan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan adalah perlu bagi memastikan semua program dan projek dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi menjayakan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah RMKe-11, siling peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM20 bilion bagi melaksanakan 1,165 projek terdiri daripada 702 projek fizikal dan 463 projek bukan fizikal. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5.93 bilion kepada 12 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan projek di bawah RMKe-11 dan sejumlah RM4.29 bilion atau 72.3% telah dibelanjakan seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PROJEK RMKe-11 BAGI TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Kementerian Perumahan dan Urbanisasi *	119.50	118.50	99.2
2.	Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti **	20.20	16.70	82.7
3.	Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli	100.05	77.31	77.3
4.	Setiausaha Kewangan Negeri	4,019.36	3,049.57	75.9
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan	78.04	56.81	72.8
6.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	532.72	368.91	69.3
7.	Jabatan Ketua Menteri	25.60	16.76	65.5
8.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	206.85	133.09	64.3
9.	Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan	175.24	108.20	61.7
10.	Kementerian Utiliti	387.45	222.55	57.4
11.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah	239.07	115.57	48.3
12.	Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak	24.39	4.79	19.6
JUMLAH		5,928.47	4,288.76	72.3

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Kementerian/Jabatan yang Terlibat Tahun 2017

Nota: * - Kini dikenali Sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

** - Kini dikenali Sebagai Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan

5.2. Analisis Audit mendapati 10 daripada 12 Kementerian/Jabatan telah berbelanja kurang 80% daripada peruntukan yang diagihkan pada tahun 2017 iaitu Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak berbelanja sejumlah RM4.79 juta atau 19.6% daripada peruntukan berjumlah RM24.39 juta, Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah berbelanja sejumlah RM115.57 juta atau 48.3% daripada peruntukan berjumlah RM239.07 juta, Kementerian Utiliti berbelanja sejumlah RM222.55 juta atau 57.4% daripada peruntukan berjumlah RM387.45 juta, Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan berbelanja sejumlah RM108.20 juta atau 61.7% daripada peruntukan berjumlah RM175.24 juta, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan berbelanja sejumlah RM133.09 juta atau 64.3% daripada peruntukan berjumlah RM206.85 juta, Jabatan Ketua Menteri berbelanja sejumlah RM16.76 juta atau 65.5% daripada peruntukan berjumlah RM25.60 juta, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan berbelanja sejumlah RM368.91 juta atau 69.3% daripada peruntukan berjumlah RM532.72 juta, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan berbelanja sejumlah RM56.81 juta atau 72.8% daripada peruntukan berjumlah RM78.04 juta, Setiausaha Kewangan Negeri berbelanja sejumlah RM3.05 bilion atau 75.9% daripada peruntukan berjumlah RM4.02 bilion dan Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli berbelanja sejumlah RM77.31 juta atau 77.3% daripada peruntukan berjumlah RM100.05 juta. Ini berlaku disebabkan projek tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual, bantahan oleh penduduk setempat terhadap isu pengambilan tanah, kos yang tinggi untuk pengambilan tanah dan projek masih di peringkat permulaan.

5.3. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan 702 projek fizikal bernilai RM6.58 bilion dan 463 projek bukan fizikal bernilai RM13.41 bilion. Projek fizikal meliputi pembinaan 127 bangunan, 99 pengairan/saliran/pembetungan, 92 penyelenggaraan/baik pulih/naik taraf, 91 pembinaan jalan, 52 bekalan air, 45 Kampung *Resettlement/Extension* dan 196 projek lain seperti kawasan perindustrian, jambatan, jeti/dermaga, kemudahan infrastruktur asas, lampu jalan, landskap, penanaman, pengurusan sampah dan *waterfront/riverwall*. Pada 31 Disember 2017, sebanyak 171 projek fizikal bernilai RM1.02 bilion berjaya disiapkan manakala 498 projek fizikal bernilai RM5.36 bilion sedang dalam pelaksanaan. Sebanyak 30 projek fizikal bernilai RM207.25 juta belum mula dan terdapat tiga (3) projek yang digugurkan mempunyai peruntukan berjumlah RM2.53 juta. Projek bukan fizikal pula merangkumi pelbagai program kepada 12 Kementerian/Jabatan; 26 geran diperuntukkan kepada empat (4) Kementerian/Jabatan; 42 *acquisition* kepada enam (6) Kementerian/Jabatan; 63 aktiviti *Information and Communication Technology* yang diperuntukkan kepada tiga (3) Kementerian/Jabatan; 17 lain-lain projek iaitu pelbagai Projek Transformasi Luar Bandar kepada sembilan (9) Kementerian/Jabatan; 30 aktiviti acara diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan; 17 aktiviti latihan kepada tiga (3) Kementerian/Jabatan; 54 aktiviti *study* kepada lapan (8)

Kementerian/Jabatan; dan 214 aktiviti program kepada 10 Kementerian/Jabatan. Daripada 463 projek bukan fizikal bernilai RM13.41 bilion, tujuh (7) projek bernilai RM35.96 juta siap dilaksanakan. Sebanyak 357 projek bernilai RM13.09 bilion sedang dilaksanakan pada tahun 2017 manakala 98 projek bernilai RM280.89 juta belum dilaksanakan dan terdapat satu (1) projek yang digugurkan mempunyai peruntukan berjumlah RM0.80 juta.


5.4. Berdasarkan rekod yang disediakan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), pada akhir tahun 2017 sebanyak 171 atau 24.4% daripada 702 projek fizikal yang diluluskan telah siap dilaksanakan. Terdapat lima (5) projek RMKe-11 bernilai RM50 juta dan ke atas yang telah siap pada akhir tahun 2017 adalah seperti **Jadual 5.2**. Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek fizikal dan bukan fizikal pada akhir 2017 adalah seperti **Carta 5.1**, **Carta 5.2**, **Jadual 5.3** dan **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.2
PROJEK SUDAH SIAP BERNILAI RM50 JUTA
DAN KE ATAS BAGI PROJEK FIZIKAL RMKe-11 PADA 31 DISEMBER 2017

BIL.	NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		SILING PROJEK RMKe-11 (RM Juta)
				(RM Juta)	(%)	
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	<i>Proposed Jalan Kuala Serupai/Kuala Tatau and Proposed Bridge Over Kuala Tatau at Kpg. Seberang, Bintulu, Sarawak</i>	30.65	26.42	86.2	143.00
2.	Kementerian Utiliti	<i>The Rehabilitation and Upgrading of KWB Batu Kitang Water Treatment Plant No.3. (To 400MLD)</i>	14.00	14.00	100.0	128.00
3.	Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan	<i>Proposed Aquatic Centre at Sarawak Sports Complex, Petra Jaya, Kuching</i>	-	-	-	63.50
4.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	<i>Proposed upgrading of Jalan Datuk Stephen Yong Link to Jalan Batu Kawa into Dual Carriageway, Kuching, Sarawak</i>	23.99	21.58	89.9	57.00
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	<i>Sand filling and Infrastructure Works at Kemuyang, Sibu</i>	12.00	12.00	100.0	50.00

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

CARTA 5.1
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK FIZIKAL RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2017



Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

JADUAL 5.3
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK FIZIKAL RMKe-11 PADA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK				
		JUMLAH PROJEK	GUGUR	BELUM MULA	SEDANG DILAKSANA	SIAP SEBENAR
1.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	297	-	6	210	81
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	133	-	1	102	30
3.	Setiausaha Kewangan Negeri	69	3	4	50	12
4.	Kementerian Utiliti	54	-	2	44	8
5.	Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli	51	-	2	29	20
6.	Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan	21	-	1	14	6
7.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah	19	-	10	5	4
8.	Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan	19	-	2	16	1
9.	Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti *	17	-	1	10	6
10.	Kementerian Perumahan dan Urbanisasi **	12	-	1	9	2
11.	Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak	8	-	-	7	1
12.	Jabatan Ketua Menteri	2	-	-	2	0
JUMLAH		702	3	30	498	171

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Nota: * - Kini Dikenali Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan

** - Kini Dikenali Sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

CARTA 5.2
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-11 PADA 31 DISEMBER 2017



Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

JADUAL 5.4
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-11 PADA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK				
		JUMLAH PROJEK	PROJEK GUGUR	BELUM DILAKSANA	SEDANG DILAKSANA	SIAP DILAKSANA
1.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah	118	-	5	112	1
2.	Jabatan Ketua Menteri	92	-	29	63	-
3.	Setiausaha Kewangan Negeri	83	1	22	57	3
4.	Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan	64	-	5	57	2
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan	27	-	10	16	1
6.	Kementerian Utiliti	23	-	8	15	-
7.	Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli	18	-	3	15	-
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan	18	-	8	10	-
9.	Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak	12	-	2	10	-
10.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	5	-	3	2	-
11.	Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti *	2	-	2	0	-
12.	Kementerian Perumahan dan Urbanisasi **	1	-	1	0	-
JUMLAH		463	1	98	357	7

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Nota: * - Kini Dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan

** - Kini Dikenali sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

5.5. Analisis Audit mendapati sebanyak 498 atau 70.9% daripada 702 projek fizikal bernilai RM5.36 bilion sedang dilaksanakan setakat 31 Disember 2017. Prestasi projek adalah seperti berikut:

- i. sebanyak 166 projek atau 33.3% adalah ikut atau mendahului jadual;
- ii. sebanyak 31 projek atau 6.2% adalah lewat jadual;
- iii. sebanyak lapan (8) projek atau 1.6% adalah projek sakit; dan
- iv. sebanyak 293 projek atau 58.8% adalah masih di peringkat perancangan.

5.6. Antara sebab projek sakit dan lewat jadual adalah kerana masalah teknikal, masalah logistik, masalah kontraktor, faktor keadaan cuaca dan projek lewat dimulakan akibat isu pengambilan tanah. Butiran lapan (8) projek sakit dan sembilan (9) daripada 31 projek lewat jadual yang bernilai RM10 juta dan ke atas adalah seperti **Jadual 5.5** dan **Jadual 5.6**.

**JADUAL 5.5
PROJEK SAKIT PADA 31 DISEMBER 2017**

BIL.	NAMA PROJEK	KEMAJUAN		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)		(RM Juta)	(%)
1.	Jambatan Sungai Sibuti dan Jalan Akses Bekenu, Bahagian Miri	100.0	78.1	6.84	6.30	92.1
2.	R.C. Cargo Wharf Daro	100.0	78.2	3.30	2.69	81.5
3.	<i>Proposed R.C. Jetty at Lawas, Lawas District Limbang Division</i>	100.0	40.8	2.09	0.74	35.4
4.	<i>Proposed R.C. Jetty at Sundar Lawas District, Limbang Division</i>	47.0	21.0	1.23	0.38	30.9
5.	Naik Taraf Parit di Lorong 3, Kampung Pemindahan, Marudi	-	-	0.35	0.35	100.0
6.	Cadangan Menaik Taraf Sistem Saliran di Jalan Selirik, Kapit	25.0	5.0	0.30	0.07	23.3
7.	Membina Semula Rumah Seri Kenangan Kuching	100.0	98.8	-	-	-
8.	Jalan Basi	100.0	94.9	-	-	-

Sumber: Agensi Pelaksana dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

**JADUAL 5.6
PROJEK LEWAT JADUAL PADA 31 DISEMBER 2017**

BIL.	NAMA PROJEK	KEMAJUAN		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		KOS PROJEK (RM Juta)
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)		(RM Juta)	(%)	
1.	Penubuhan <i>Leadership Institute of Sarawak [formerly known as Penubuhan Centre for Modern Management (CMM) Petra Jaya]</i>	1.9	0.6	10.00	-	-	155.00
2.	Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan Miri (Fasa 1)	5.0	2.9	50.00	9.46	18.9	77.00
3.	Bekalan Air Sungai Asap	88.4	80.3	27.50	22.51	81.9	72.00

BIL.	NAMA PROJEK	KEMAJUAN		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		KOS PROJEK (RM Juta)
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)		(RM Juta)	(%)	
4.	<i>Proposed Datuk Temenggong Abang Kipali Bin Abang Akip Interchange via Shallow Underpasses</i>	97.5	87.9	29.95	21.79	72.8	61.00
5.	Pembinaan Centre of Technical Excellence, Lawas	33.5	30.3	10.00	-	-	50.00
6.	Sistem Pengurusan Air Sisa Bersepadu Di Bandaraya Kuching (Zon 1 Paket 2)	-	-	10.00	0.54	5.4	20.00
7.	Pustaka Sibu	41.0	33.0	-	-	-	20.00
8.	<i>Link Roads to Government Housing Scheme</i>	58.2	44.6	1.70	0.90	52.9	10.00
9.	Matadeng/Bedeng Sub-centre, Mukah	84.3	74.7	5.65	5.03	89.0	10.00

Sumber: Agensi Pelaksana dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

5.7. Setakat 28 Februari 2018, kedudukan 31 projek yang dikategorikan sebagai projek lewat jadual adalah seperti berikut:

- i. sebanyak tiga (3) projek sudah siap;
- ii. sebanyak enam (6) projek adalah ikut jadual;
- iii. sebanyak dua (2) projek adalah mendahului jadual;
- iv. sebanyak 17 projek adalah lewat jadual; dan
- v. sebanyak tiga (3) projek adalah projek sakit.

Kedudukan bagi lapan (8) projek yang dikategorikan sebagai projek sakit setakat 28 Februari 2018 adalah seperti berikut:

- i. sebanyak satu (1) projek sudah siap;
- ii. sebanyak satu (1) projek adalah ikut jadual; dan
- iii. sebanyak enam (6) projek adalah projek sakit

5.8. Sebanyak 30 projek atau 4.3% daripada 702 projek fizikal belum mula terdiri daripada 10 projek di bawah Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, enam (6) projek di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, empat (4) projek di bawah Setiausaha Kewangan Negeri, dua (2) projek di bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, dua (2) projek di bawah Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli, dua (2) projek di bawah Kementerian Utiliti, satu (1) projek di bawah Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti, satu (1) projek di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan, satu (1) projek di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian dan

Usahawan dan satu (1) projek di bawah Kementerian Perumahan dan Urbanisasi. Butiran terperinci bagi 10 daripada 30 projek belum mula yang bernilai RM5 juta dan ke atas tersebut adalah seperti **Jadual 5.7**.

JADUAL 5.7
PROJEK BELUM MULA SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pembinaan RMM di Bandar Nangka Baru, Sibu (<i>Silviculture</i>)	80.00	Projek dicadang untuk dipindah kepada projek lain.
2.	<i>Proposed Site Preparation, Piling and Sand Filling Works for Rimbunan Kaseh Project at Sematan, Kuching</i>	25.00	Projek ini tidak diluluskan dalam <i>Rolling Plan 3</i> .
3.	<i>Proposed Site Preparation, Piling and Sand Filing Works for Rimbunan Kaseh Project at Kampung Nyala, Bintulu</i>	25.00	Projek ini tidak diluluskan dalam <i>Rolling Plan 3</i> .
4.	<i>Recultivation of the Landfill at KIWMP</i>	8.50	Projek dirancang bermula pada tahun 2018.
5.	Batu Lintang Service Centre, Sri Aman	6.60	Majlis Perancangan Negeri (SPA) pada 16 Mei 2017 telah memutuskan projek tersebut ditangguh. Pihak Jabatan Tanah dan Survei telah mencadangkan untuk menggugurkan projek ini dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11.
6.	Estet Perindustrian Kota Samarahan (Tambahan) Fasa II	5.50	Perbelanjaan yang telah dilakukan adalah bagi pembayaran kos pengambilan balik tanah untuk tapak projek. Projek tidak diteruskan di bawah RMKe-11 kerana peruntukan tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan tiada baki siling RMKe-11 yang mencukupi bagi melaksanakan projek.
7.	Kerja-kerja Membaik Pulih Infrastruktur Pertanian di Skim Saliran Terkawal Daro, Bahagian Mukah, Sarawak	5.00	Projek ini telah diluluskan secara peruntukan terus oleh Kerajaan Persekutuan. Siling RMKe-11 Negeri tidak akan digunakan untuk projek ini.
8.	Kerja-kerja Membaik Pulih Infrastruktur Pertanian di Skim Saliran Terkawal Pulau Brui	5.00	Projek ini tidak diluluskan dalam <i>Rolling Plan 3</i> . Oleh itu, siling RMKe-11 Kerajaan Negeri tidak boleh digunakan.
9.	<i>Transform Brooke Dockyard into Maritime Museum</i>	5.00	Dalam proses penyediaan reka bentuk.
10.	<i>Proposed Development of Oleochemical and Petrochemical Complex</i>	5.00	Kajian kemungkinan projek dirancang bermula pada tahun 2019.

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri Tahun 2017

5.9. Terdapat 14 projek gugur bukan fizikal yang tidak ada peruntukan yang terdiri daripada empat (4) projek di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, empat (4) projek di bawah Setiausaha Kewangan Negeri, dua (2) projek di bawah Jabatan Ketua Menteri, dua (2) projek di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan, satu (1) projek di bawah Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, dan satu (1) projek di bawah Kementerian Utiliti. Daripada 14 projek gugur bukan fizikal yang tidak ada peruntukan tersebut, sebanyak empat (4) projek telah diganti dengan lima (5) projek baru. Manakala, terdapat empat (4) projek gugur yang masih ada peruntukan di bawah Setiausaha Kewangan Negeri yang terdiri daripada tiga (3) projek fizikal berjumlah RM2.53 juta dan satu (1) projek bukan fizikal yang berjumlah RM0.80 juta telah digugurkan untuk membentuk projek Membina Bangunan Pejabat Cawangan Baru Dewan Bandaraya Kuching Utara di Jalan Depo, Kuching.

5.10. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pada 31 Disember 2017 menunjukkan sejumlah RM4.29 bilion atau 72.3% daripada RM5.93 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2017. Dari segi prestasi projek fizikal, 171 atau 24.4% daripada 702 projek telah siap dilaksanakan, 498 atau 70.9% sedang dilaksanakan, 30 atau 4.3% belum mula dan tiga (3) atau 0.4% projek yang masih ada peruntukan telah digugurkan dan diganti dengan satu (1) projek baharu. Prestasi bagi projek bukan fizikal pula adalah terdiri daripada tujuh (7) atau 1.5% daripada 463 projek telah siap dilaksanakan, 357 atau 77.1% projek sedang dilaksanakan dan 98 atau 21.2% projek belum dilaksanakan dan satu (1) atau 0.2% projek yang masih ada peruntukan telah digugurkan dan diganti dengan satu (1) projek baharu. Manakala, daripada 14 projek gugur bukan fizikal yang tidak ada peruntukan, empat (4) projek telah diganti dengan lima (5) projek baharu.



BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

7. PENDAHULUAN

Akta Audit 1957 menjelaskan Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Islam Sarawak (MIS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan. Semua BBN, MIS dan satu (1) PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara menerima pakai *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada Februari 2014 dengan tarikh peralihan daripada 1 Januari 2015. Piawaian ini telah diaplikasikan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Pendapatan dan Perolehan Tertahan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta pendedahan berkaitan.

7.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

7.1.1. Sebanyak 25 BBN, 25 PBT dan MIS di negeri Sarawak adalah tertakluk kepada pengauditan oleh Ketua Audit Negara Malaysia. Bagi tahun kewangan 2017, pengauditan terhadap MIS, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak, Lembaga Pelabuhan Samalaju dan Majlis Daerah Subis telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap 23 BBN dan 24 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta (FAS) bagi pihak Ketua Audit Negara Malaysia. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara Malaysia melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

7.1.2. Bagi meningkatkan mutu pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI), Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan yang berkuat kuasa penggunaannya pada 1 Disember 2014. Garis Panduan ini menetapkan panduan berkenaan Perancangan, Kawalan Dalaman ICT, Persampelan, Materialiti, Pengauditan Interim, Pengauditan Muktamad dan Laporan Ketua Audit Negara. Pengauditan yang dijalankan oleh FAS diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara semasa pengauditan interim dan muktamad. Kertas kerja pengauditan yang

disediakan oleh FAS juga telah disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Selain itu, *initial conference* dan *exit conference* diadakan antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan pelaksanaan Audit dan menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada pengauditan yang dijalankan.

7.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

7.2.1. Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan), 1995, menghendaki BBN mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Manakala mengikut Peraturan 37, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997 menetapkan PBT menyedia dan menyerahkan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Seksyen 72, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula menghendaki Penyata Kewangan disediakan setiap tahun dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diperakui.

7.2.2. Pada keseluruhannya, penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2017 bagi 25 BBN, 25 PBT dan MIS telah diurus dengan baik. Bagaimanapun, masih terdapat penyata kewangan yang disediakan berlaku kesilapan dari segi ejaan, format dan angka. Sehubungan itu, penyata kewangan tersebut telah pun dikembalikan untuk tindakan agensi. Semua penyata kewangan telah diterima pada tarikh yang ditetapkan oleh undang-undang.

7.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

7.3.1. Bagi 51 penyata kewangan tahun 2016 yang telah diaudit dan dibentangkan di DUN, sebanyak 48 agensi negeri telah diberi Laporan Tanpa Teguran, dua (2) agensi negeri diberi Laporan Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*) dan satu (1) agensi negeri diberi Laporan Berteguran.

7.3.1.1. Perbadanan Pembangunan Perumahan diberi Laporan Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*) kerana setakat 31 Disember 2016, sejumlah RM1.53 juta daripada baki Pinjaman Kepada Pembeli Rumah yang berjumlah RM454.01 juta merupakan deposit tidak dikenal pasti yang disimpan dalam Akaun Pembayaran Tergantung. Sejumlah RM470,009 deposit yang tidak dapat dikenal pasti dalam penyata penyesuaian bank adalah bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016. Selain itu, akaun semasa di Bank Islam (M) Berhad, Cawangan Miri telah ditutup pada tahun 2014 dengan baki negatif di lejar am sejumlah RM136,644 disebabkan deposit oleh pembeli rumah yang tidak dapat dikenal pasti. Pada tahun 2016, sejumlah RM60,000 yang dikenal pasti telah dipindahkan ke Akaun Kawalan Pinjaman Penghuni manakala sejumlah

RM76,644 yang masih tidak dapat dikenal pasti telah dipindahkan ke Akaun Tergantung Bank Islam Miri.

7.3.1.2. Perbadanan Sukan Sarawak diberi Laporan Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*) kerana baki Geran Pembangunan menunjukkan perbezaan berjumlah RM485,856 antara Senarai Geran yang berjumlah RM17.30 juta dengan Lejar Am Perbadanan Sukan Sarawak yang berjumlah RM16.81 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

7.3.1.3. Majlis Daerah Betong diberi Laporan Berteguran kerana terdapat perbezaan baki pada Lejar Am dengan baki pengesahan bank dan penyata bank bagi bulan Disember 2016 berjumlah RM4.00 juta tidak dapat disahkan kerana penyata penyesuaian bank tidak disediakan bagi tahun 2016.

7.3.2. Bagi 51 penyata kewangan tahun 2017, daripada 22 penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan sebanyak 21 agensi negeri diberi Laporan Tanpa Teguran dan satu (1) agensi negeri diberi Laporan Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*).

7.3.2.1. Majlis Perbandaran Kota Samarahan diberi Laporan Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*) kerana terdapat perbezaan berjumlah RM97,064 antara lejar am dan lejar subsidiari untuk deposit *Refundable Deposit Summary* (RDS). Ini disebabkan deposit sewa premis dan deposit hiburan tiada dalam rekod RDS. Pihak Audit juga mendapati pada tahun 2017, baki siberhutang (*Advance posting*) telah menunjukkan amaun berjumlah RM54,591. Baki ini merupakan item tidak dikenal pasti yang belum diambil tindakan pelarasan.

7.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

7.4.1. Seksyen 8, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan), 1995, menetapkan Penyata Kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58, *The Local Authorities Ordinance*, 1996 pula menyatakan semua Penyata Kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan dibentangkan di DUN.

7.4.2. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2016, semua Penyata Kewangan BBN dan PBT yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentang di DUN pada 9 hingga 18 Julai 2018.

7.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan BBN dan PBT adalah berdasarkan 50 Penyata Kewangan Tahun 2017 yang diterima. Analisis ini merangkumi penilaian prestasi secara menyeluruh dan dilaporkan seperti berikut:

7.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan BBN

7.5.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan 25 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2017 dan 2016. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan pada tahun 2017 bagi BBN adalah kurang memuaskan walaupun surplus pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM102.48 juta atau 2.5%. Ini adalah disebabkan jumlah aset menurun sejumlah RM87.12 juta atau 0.8%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM193.63 juta atau 6.7% dan surplus pendapatan tahun semasa menurun sejumlah RM54.57 juta atau 34.8% berbanding tahun 2016. Prestasi kewangan BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 7.1**.

JADUAL 7.1
PRESTASI KEWANGAN BBN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Surplus Pendapatan Terkumpul	4,213.62	4,111.14	102.48	2.5
2.	Jumlah Aset	10,611.93	10,699.05	-87.12	-0.8
3.	Aset Semasa Bersih	2,698.28	2,891.91	-193.63	-6.7
4.	Surplus Pendapatan Semasa	102.45	157.02	-54.57	-34.8

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2016

7.5.1.2. Pada akhir tahun 2017, Lembaga Kemajuan Bintulu memperoleh surplus pendapatan semasa tertinggi yang berjumlah RM29.34 juta berbanding surplus pendapatan semasa sejumlah RM19.29 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM10.05 juta atau 52.1%. Lembaga Air Kuching memperoleh surplus pendapatan semasa kedua tertinggi berjumlah RM26.75 juta berbanding surplus pendapatan semasa sejumlah RM33.46 juta pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM6.71 juta atau 20.1%. Yayasan Sarawak memperoleh surplus pendapatan semasa ketiga tertinggi yang berjumlah RM17.59 juta berbanding surplus pendapatan semasa sejumlah RM45.72 juta pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM28.13 juta atau 61.5%. Bagaimanapun, tiga (3) BBN mengalami kurangan dalam aset semasa bersih iaitu Lembaga Pelabuhan Miri sejumlah RM70.48 juta, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak sejumlah RM45.32 juta dan Lembaga Air Sibu sejumlah RM20.41 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
PRESTASI KEWANGAN BBN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
1.	Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)	331.81	302.47	29.34	1,080.44	224.37	856.07
2.	Lembaga Air Kuching (KWB)	148.99	122.24	26.75	258.70	50.04	208.66
3.	Yayasan Sarawak (YS)	84.46	66.87	17.59	274.75	5.75	269.00
4.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)	463.55	448.21	15.34	448.60	30.04	418.56
5.	Perbadanan Sukan Sarawak (SSC)	30.25	15.91	14.34	47.54	4.52	43.02
6.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)	54.71	40.48	14.23	298.41	6.58	291.83
7.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)*	289.78	276.50	13.28	184.49	229.81	-45.32
8.	Lembaga Pelancongan Sarawak (STB)	21.32	13.13	8.19	18.08	3.61	14.47
9.	Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA)*	66.31	61.44	4.87	29.72	21.19	8.53
10.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke (BDEWC)*	155.22	150.77	4.45	158.60	90.19	68.41
11.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA)	4.93	0.77	4.16	344.86	153.89	190.97
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB)	4.86	2.33	2.53	53.66	2.73	50.93
13.	Lembaga Pelabuhan Samalaju (SPA)*	2.96	0.89	2.07	8.75	0.80	7.95
14.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS)	37.68	35.77	1.91	24.75	4.59	20.16
15.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB)	24.27	23.16	1.11	20.21	15.46	4.75
16.	Pustaka Negeri Sarawak (SSL)	39.23	38.56	0.67	42.03	30.80	11.23
17.	Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC)	74.50	74.04	0.46	9.68	**0.00	9.68
18.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR)*	4.07	4.40	-0.33	7.27	0.28	6.99

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
19.	Lembaga Pelabuhan Miri (MPA)*	18.39	21.04	-2.65	59.31	129.79	-70.48
20.	Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC)*	7.64	11.12	-3.48	31.53	14.63	16.90
21.	Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA)*	25.57	31.29	-5.72	58.54	2.39	56.15
22.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (TMPA)*	4.46	12.23	-7.77	23.36	7.99	15.37
23.	Lembaga Air Sibu (SWB)*	36.33	46.31	-9.98	48.66	69.07	-20.41
24.	Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)	73.12	83.45	-10.33	645.50	539.82	105.68
25.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC)	43.65	62.23	-18.58	347.37	188.19	159.18
JUMLAH		2,048.06	1,945.61	102.45	4,524.81	1,826.53	2,698.28

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017


Nota: * - Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2017 Telah Disahkan

** - Amaun Sebenar Adalah RM6,399

7.5.2. Analisis Aset


Pada akhir tahun 2017, jumlah aset bagi 25 BBN ialah RM10.61 bilion berbanding RM10.70 bilion pada tahun 2016 iaitu menurun sejumlah RM87.12 juta atau 0.8%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2017 ialah RM4.52 bilion berbanding RM4.54 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati nilai aset semasa bersih telah menurun daripada RM2.89 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.70 bilion pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM193.63 juta atau 6.7%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di Lembaga Air Kuching iaitu peningkatan sejumlah RM33.94 juta kerana terdapat peningkatan dalam simpanan tetap sejumlah RM31.99 juta dan penurunan pembiutang perniagaan sejumlah RM9.22 juta pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2016. Bagi penurunan dalam aset semasa bersih, Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah memperoleh penurunan tertinggi iaitu sejumlah RM134.58 juta kerana penurunan dalam simpanan tetap sejumlah RM86.93 juta dan baki tunai sejumlah RM16.77 juta pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2016. Selain itu, terdapat peningkatan dalam pinjaman Kerajaan Negeri sejumlah RM10.97 juta serta pembiutang perniagaan dan pembiutang lain sejumlah RM12.56 juta pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2016. Peningkatan dan penurunan aset semasa bersih dalam tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Carta 7.1** dan **Carta 7.2**.

CARTA 7.1
PENINGKATAN ASET SEMASA BERSIH DALAM TAHUN 2017 BERBANDING 2016



Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2016

CARTA 7.2
PENURUNAN ASET SEMASA BERSIH DALAM TAHUN 2017 BERBANDING 2016




Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2016

7.5.3. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2017, jumlah pelaburan bagi 25 BBN ialah RM2.11 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, harta tanah dan pelaburan lain. Jenis pelaburan adalah seperti **Carta 7.3**.

CARTA 7.3
JENIS PELABURAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017

7.5.4. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2017, baki liabiliti bagi 25 BBN berjumlah RM4.13 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM83.91 juta atau 2.1% berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM4.05 bilion. Peningkatan jumlah liabiliti yang ketara berlaku di Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah iaitu meningkat sejumlah RM29.98 juta disebabkan peningkatan dalam amaun terakru kepada Lembaga Kemajuan Bintulu untuk projek pembangunan di *Samalaju Industrial Park*. Antara BBN menunjukkan peningkatan dalam jumlah liabiliti yang melebihi 15% bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 7.3**.

JADUAL 7.3
PENINGKATAN JUMLAH LIABILITI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	30.04	0.06	29.98	49,966.7
2.	Lembaga Pelabuhan Samalaju	0.80	0.04	0.76	1,900.0
3.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar	15.46	6.12	9.34	152.6
4.	Lembaga Pelabuhan Rajang	2.39	1.09	1.30	119.3
5.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	0.28	*0.00	0.28	100.0
6.	Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak	14.63	10.37	4.26	41.1
7.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	123.98	89.41	34.57	38.7
8.	Perbadanan Sukan Sarawak	26.76	19.41	7.35	37.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2016

Nota: * - Amaun Sebenar Adalah RM4,498

7.5.5. Analisis Nisbah

Nisbah hutang mengukur peratus dana dibiayai dari sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan sembilan (9) BBN menggunakan lebih 50% jumlah asetnya untuk membiayai jumlah hutang dan dua (2) daripadanya menunjukkan kurangan aliran tunai. Pustaka Negeri Sarawak menunjukkan kurangan aliran tunai bersih sejumlah RM9.52 juta pada tahun 2017 berbanding lebihan aliran tunai bersih RM24.29 juta pada tahun 2016. Perbezaan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM11.72 juta dan penurunan Geran Pembangunan yang diterima sejumlah RM20.70 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah menunjukkan kurangan aliran tunai bersih sejumlah RM103.71 juta pada tahun 2017 berbanding lebihan aliran tunai bersih RM9.25 juta pada tahun 2016. Perbezaan ini disebabkan oleh penurunan dalam perbelanjaan pembangunan sejumlah RM262.76 juta dan peningkatan Geran Pembangunan yang digunakan sejumlah RM368.04 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Selain itu, enam (6) BBN menunjukkan nisbah semasa kurang daripada dua (2) iaitu menggambarkan BBN berkenaan kurang mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek dan tiga (3) daripadanya iaitu Lembaga Pelabuhan Miri, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak serta Lembaga Air Sibu menunjukkan kurangan modal kerja. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan mendapati sembilan (9) BBN menunjukkan prestasi kewangan yang berisiko seperti **Jadual 7.4**.

**JADUAL 7.4
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN BBN BAGI TAHUN 2017**

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	65.09	1.20	1.11	105.68	93.1
2.	Lembaga Air Sibu	6.41	0.70	0.67	-20.41	76.2
3.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar	10.02	1.31	1.31	4.75	70.3
4.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis	4.24	2.92	2.92	15.37	69.2
5.	Pustaka Negeri Sarawak	-9.52	1.36	1.36	11.23	68.4
6.	Lembaga Pelabuhan Miri	0.38	0.46	0.46	-70.48	66.9
7.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	24.71	0.80	0.69	-45.32	65.4
8.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	-103.71	2.24	2.24	190.97	56.6
9.	Perbadanan Sukan Sarawak	20.46	10.52	10.52	43.02	55.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017

7.5.6. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

Analisis prestasi kewangan anak syarikat BBN adalah berdasarkan Penyata Kewangan tahun kewangan 2017 bagi 10 BBN yang belum diperakurkan dan merangkumi prestasi secara menyeluruh dilaporkan seperti berikut:

7.5.6.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2017, Lembaga Kemajuan Bintulu melabur sejumlah RM731.50 juta dalam tiga (3) syarikat, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak melabur sejumlah RM352.89 juta dalam 27 syarikat dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak melabur sejumlah RM153.50 juta dalam 19 syarikat. Untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak mempunyai pelaburan tertinggi iaitu sejumlah RM113.03 juta dalam 12 syarikat bersekutu. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu pada tahun 2017 oleh BBN adalah seperti **Jadual 7.5**.

JADUAL 7.5
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM
ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU BAGI TAHUN 2017

PERKARA	BDA	SEDC	STIDC	YS	SALCRA	LCDA	HDC	SFC	STB	KPA	JUMLAH
Anak Syarikat (100%)	2	25	16	4	3	3	2	1	1	1	58
Anak Syarikat (>50%)	1	2	3	3	3	0	0	0	0	0	12
Syarikat Bersekutu (<50%)	5	10	12	17	1	2	1	0	0	0	48
JUMLAH SYARIKAT	8	37	31	24	7	5	3	1	1	1	118
PELABURAN (RM Juta)	733.39	400.52	266.53	145.59	54.83	13.19	13.06	2.50	0.20	0.10	1,629.91

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017

7.5.6.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 10 BBN telah melabur dalam 70 anak syarikat iaitu 53 anak syarikat berstatus aktif dan 17 berstatus dorman. Daripada 10 BBN, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 27 dan 19 anak syarikat masing-masing. Bagaimanapun, sembilan (9) anak syarikat Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak atau 47.4% ialah syarikat yang berstatus dorman. Bilangan anak syarikat BBN yang aktif dan dorman adalah seperti **Jadual 7.6**.

JADUAL 7.6
BILANGAN ANAK SYARIKAT BBN
YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BANDAR BERKANUN NEGERI	BILANGAN ANAK SYARIKAT (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%)					
		STATUS AKTIF		STATUS DORMAN		JUMLAH SYARIKAT	
		2017	2016	2017	2016	2017	2016
1.	SEDC	21	19	6	7	27	26
2.	STIDC	10	10	9	9	19	19
3.	YS	7	7	0	0	7	7
4.	SALCRA	5	5	1	1	6	6

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	BILANGAN ANAK SYARIKAT (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%)					
		STATUS AKTIF		STATUS DORMAN		JUMLAH SYARIKAT	
		2017	2016	2017	2016	2017	2016
5.	LCDA	3	3	0	0	3	3
6.	BDA	3	3	0	0	3	3
7.	HDC	2	2	0	0	2	2
8.	STB	1	1	0	0	1	1
9.	SFC	1	1	0	0	1	1
10.	KPA	0	0	1	1	1	1
JUMLAH		53	51	17	18	70	69

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2016

7.5.6.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat

- Pada 31 Disember 2017, sebanyak 31 daripada 53 anak syarikat yang aktif di bawah sembilan (9) BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM1.40 bilion. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 22 anak syarikat BBN yang aktif telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM1.01 bilion. Bagaimanapun, analisis keseluruhan terhadap anak syarikat yang aktif bagi sembilan (9) BBN mendapati enam (6) daripadanya mendapat keuntungan terkumpul bersih sejumlah RM1.13 bilion. Antara anak syarikat aktif yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Pelita Holdings Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM738.45 juta, Hornbill Skyways Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM151.08 juta, Harwood Timber Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM104.01 juta, Petronesa Sdn. Bhd. (YS) sejumlah RM62.65 juta dan PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM50.48 juta. Anak syarikat aktif yang mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi ialah Bintulu Capital Sdn. Bhd. (BDA) sejumlah RM700.26 juta, Damai Beach Golf Course Bhd. (SEDC) sejumlah RM69.70 juta, Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM68.59 juta, Sarawak Forestry Corporation Sdn. Bhd. (SFC) sejumlah RM36.22 juta dan Pelita Dalat Sago Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM35.32 juta.
- Sembilan (9) daripada 17 anak syarikat yang dorman di bawah empat (4) BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM4.13 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati lapan (8) daripada 17 anak syarikat BBN yang dorman telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM19.85 juta. Antara anak syarikat dorman yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Permaisara Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM1.77 juta, Sarapine Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.82 juta, Tinamou Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.65 juta, Sara Concrete Poles Sdn. Bhd. (SEDC)

sejumlah RM0.34 juta dan Kestrel Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.26 juta. Dari segi kerugian terkumpul, anak syarikat dorman yang mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi ialah Eastern Empress Silk Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM18.19 juta, Mayang Tea Sdn. Bhd. (SALCRA) sejumlah RM1.44 juta, Damai Beach Resort Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.05 juta, Sara Resorts Holdings Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.05 juta dan Selah Timber Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.04 juta.

- c. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN yang aktif bagi tahun kewangan 2017 adalah seperti **Jadual 7.7**.

JADUAL 7.7
ANALISIS KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT BBN YANG AKTIF BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	LCDA	1	738.45	2	103.92	634.53
2.	STIDC	6	291.65	4	26.10	265.55
3.	YS	7	103.19	-	-	103.19
4.	SALCRA	4	110.11	1	16.99	93.12
5.	SEDC	10	145.86	11	122.03	23.83
6.	HDC	2	12.89	-	-	12.89
7.	STB	-	-	1	0.08	-0.08
8.	SFC	-	-	1	36.22	-36.22
9.	BDA	1	1.46	2	705.15	-703.69
JUMLAH		31	1,403.61	22	1,010.49	393.12

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat BBN Tahun 2017

7.5.7. Prestasi Kewangan PBT

7.5.7.1. Prestasi kewangan 25 PBT adalah berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2017 yang telah dikemukakan untuk pengauditan seperti **Jadual 7.8**. Semua PBT masih menggunakan asas perakaunan tunai ubah suai dalam menyediakan penyata kewangan tahunan kecuali Dewan Bandaraya Kuching Utara.

JADUAL 7.8
PRESTASI KEWANGAN PBT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Bil.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PENDAPATAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/DEFISIT	HARTA SEMASA	TANGGUNGAN	HARTA SEMASA BERSIH
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	105.67	99.66	6.01	215.91	14.15	201.76
2.	Majlis Bandaraya Miri	84.24	78.94	5.30	120.54	21.72	98.82
3.	Dewan Bandaraya	101.52	100.49	1.03	271.80	156.31	115.49

Bil.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PENDAPATAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/ DEFISIT	HARTA SEMASA	TANGGUNGAN	HARTA SEMASA BERSIH
	Kuching Utara						
4.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan**	16.55	17.78	-1.23	27.51	4.29	23.22
5.	Majlis Perbandaran Sibu	61.24	64.09	-2.85	48.09	9.85	38.24
6.	Majlis Perbandaran Padawan	36.52	39.94	-3.42	83.59	14.35	69.24
7.	Majlis Daerah Lawas**	4.29	4.20	0.09	18.53	0.32	18.21
8.	Majlis Daerah Subis	4.80	4.27	0.53	26.67	0.92	25.75
9.	Majlis Daerah Kanowit**	3.70	4.20	-0.50	6.07	0.81	5.26
10.	Majlis Daerah Matu dan Daro**	5.08	5.64	-0.56	9.65	0.19	9.46
11.	Majlis Daerah Lubok Antu**	3.66	4.32	-0.66	8.59	0.74	7.85
12.	Majlis Daerah Simunjan**	3.53	4.27	-0.74	5.20	0.23	4.97
13.	Majlis Daerah Kapit	7.26	8.22	-0.96	15.09	0.64	14.45
14.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu**	9.02	10.09	-1.07	21.94	1.14	20.80
15.	Majlis Daerah Maradong dan Julau**	4.83	6.10	-1.27	6.47	0.86	5.61
16.	Majlis Daerah Sarikei**	10.65	12.02	-1.37	36.55	3.98	32.57
17.	Majlis Daerah Betong	4.44	5.91	-1.47	9.29	1.11	8.18
18.	Majlis Daerah Saratok**	4.20	5.84	-1.64	30.19	0.91	29.28
19.	Majlis Daerah Bau	5.23	6.88	-1.65	37.48	0.97	36.51
20.	Majlis Daerah Marudi	4.73	6.61	-1.88	12.55	0.49	12.06
21.	Majlis Daerah Limbang**	6.25	8.46	-2.21	7.99	0.70	7.29
22.	Majlis Daerah Sri Aman	7.12	9.64	-2.52	9.12	1.39	7.73
23.	Majlis Daerah Lundu	4.82	8.08	-3.26	22.34	0.82	21.52
24.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah**	7.66	11.14	-3.48	13.61	0.38	13.23
25.	Majlis Daerah Serian	8.39	14.22	-5.83	20.77	1.20	19.57
JUMLAH		515.40	541.01	-25.61	1,085.54	238.47	847.07

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017

Nota: ** - Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2017 Telah Disahkan

7.5.7.2. Secara keseluruhannya, pada tahun 2017 ketiga-tiga Dewan/Majlis Bandaraya telah mencatatkan surplus semasa berjumlah RM12.34 juta. Bagaimanapun, Majlis Bandaraya Miri mencatatkan peningkatan surplus manakala Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan mencatatkan penurunan. Tiga (3) Majlis Perbandaran mencatatkan penurunan defisit semasa dari sejumlah RM14.81 juta pada tahun 2016 kepada sejumlah RM7.50 juta pada tahun 2017. Majlis Daerah mencatat defisit semasa sejumlah RM30.45 juta. Dua (2) daripada 19 Majlis Daerah mencatat surplus semasa sejumlah RM0.62 juta pada tahun kewangan 2017 berbanding tiga (3) Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM2.02 juta pada tahun 2016. Sebanyak 17 Majlis Daerah mencatat defisit semasa berjumlah RM31.07 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan defisit semasa sejumlah RM17.66 juta atau 131.7% berbanding 16 Majlis Daerah pada tahun 2016 berjumlah RM13.41 juta. Majlis Daerah yang mengalami defisit semasa adalah Majlis Daerah Kanowit, Majlis Daerah Matu dan Daro, Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Kapit, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Majlis Daerah Maradong dan Julau, Majlis Daerah Sarikei, Majlis Daerah Betong, Majlis Daerah Saratok, Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Marudi, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Sri Aman, Majlis Daerah Lundu, Majlis Daerah Dalat dan Mukah dan Majlis Daerah Serian. Kedudukan surplus dan defisit bagi Dewan/Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran serta Majlis Daerah adalah seperti **Jadual 7.9** dan **Jadual 7.10**.

JADUAL 7.9
**KEDUDUKAN KEWANGAN TAHUNAN DEWAN/MAJLIS BANDARAYA
 DAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017 SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	2016 SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
DEWAN/MAJLIS BANDARAYA					
1.	Majlis Bandaraya Miri	5.30	-2.71	8.01	295.6
2.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	1.03	2.78	-1.75	62.9
3.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	6.01	15.02	-9.01	60.0
JUMLAH		12.34	15.09	2.75	18.2
MAJLIS PERBANDARAN					
1.	Majlis Perbandaran Padawan	-3.42	-9.94	6.52	65.6
2.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	-1.23	-4.96	3.73	75.2
3.	Majlis Perbandaran Sibu	-2.85	0.09	-2.94	3,266.7
JUMLAH		-7.50	-14.81	7.31	49.4
JUMLAH KESELURUHAN		4.84	0.28	4.56	1,628.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2016

JADUAL 7.10
KEDUDUKAN KEWANGAN TAHUNAN BAGI
MAJLIS DAERAH BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	2017		2016		PERUBAHAN	
	BIL. MAJLIS DAERAH	(RM Juta)	BIL. MAJLIS DAERAH	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Surplus	2	0.62	3	2.02	-1.42	69.3
Defisit	17	-31.07	16	-13.41	-17.66	131.6
JUMLAH	19	-30.45	19	-11.39	-19.06	167.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2016

7.5.7.3. Harta Semasa Bersih

Pada tahun 2017, 24 daripada 25 PBT di Negeri Sarawak mengamalkan perakaunan berdasarkan tunai ubah suai dan satu PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara mengamalkan perakaunan berdasarkan akruan. Mengikut perakaunan berdasarkan tunai, nilai prabayar, penghutang dan juga harta modal tidak diambil kira dalam Lembaran Imbang. Hanya wang tunai dan simpanan tetap diambil kira dalam penyediaan Lembaran Imbang tahunan PBT. Analisis Audit terhadap harta semasa bersih PBT iaitu harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa PBT mendapatkan perkara berikut:

- Analisis Audit mendapatkan harta semasa bersih bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara pada tahun 2017 telah meningkat sejumlah RM42.60 juta atau 58.4% iaitu RM72.89 juta pada tahun 2016 berbanding RM115.49 juta pada tahun 2017.
- Pada akhir tahun 2017, harta semasa bersih bagi Majlis Bandaraya Kuching Selatan berjumlah RM201.76 juta. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM0.06 juta berbanding dengan tahun 2016 sejumlah RM201.82 juta. Sementara itu, harta semasa bersih Majlis Bandaraya Miri menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.08 juta atau 7.7% iaitu RM91.74 juta pada tahun 2016 berbanding RM98.82 juta pada tahun 2017.
- Majlis Perbandaran Padawan mempunyai harta semasa bersih berjumlah RM69.24 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM6.52 juta atau 10.4% berbanding RM62.72 juta pada tahun 2016. Majlis Perbandaran Sibu menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.55 juta atau 7.1% iaitu RM35.69 juta pada tahun 2016 berbanding RM38.24 juta pada tahun 2017. Sementara itu, harta semasa bersih Majlis Perbandaran Kota Samarahan menunjukkan penurunan sejumlah RM0.78 juta atau 3.3% iaitu RM24.00 juta pada tahun 2016 berbanding RM23.22 juta pada tahun 2017.

- d. Pada tahun 2017, harta semasa bersih bagi 19 Majlis Daerah di Sarawak pula berjumlah RM300.30 juta iaitu peningkatan sejumlah RM7.61 juta atau 2.6% berbanding RM292.69 juta pada tahun 2016.

7.5.7.4. Tuggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa *The Local Authorities Ordinance, 1996*. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik Kerajaan, kilang dan depot. Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah RM235.04 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Sarawak. Kutipan ini meningkat sejumlah RM2.28 juta atau 1.0% berbanding RM232.76 juta kutipan cukai taksiran pada tahun 2016. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip di peringkat Bandaraya, Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 7.11**.

**JADUAL 7.11
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016**

KATEGORI PBT	BILANGAN PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
Bandaraya	3	141.35	142.63	-1.28	89.7
Perbandaran	3	67.03	64.53	2.5	3.9
Majlis Daerah	19	26.66	25.60	1.06	4.1
JUMLAH	25	235.04	232.76	2.28	1.0

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2016

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tuggakan cukai taksiran mendapati jumlah tuggakan telah meningkat daripada RM80.95 juta pada tahun 2016 kepada RM84.61 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM3.66 juta atau 4.5%. Bagi kategori Bandaraya, jumlah tuggakan cukai taksiran tahun 2017 telah meningkat sejumlah RM2.93 juta atau 8.0% berbanding tahun 2016. Bagi kategori Perbandaran, jumlah tuggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM0.40 juta atau 1.5% berbanding tahun 2016. Begitu juga dengan Majlis Daerah, keseluruhan tuggakan cukai telah meningkat sejumlah RM0.33 juta atau 1.8%. Tuggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti **Jadual 7.12**.

JADUAL 7.12
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

KATEGORI PBT	BILANGAN PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
Bandaraya	3	39.74	36.81	2.93	8.0
Perbandaran	3	26.62	26.22	0.40	1.5
Majlis Daerah	19	18.25	17.92	0.33	1.8
JUMLAH	25	84.61	80.95	3.66	4.5

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2016

- c. Adalah didapati sebanyak sembilan (9) PBT telah menunjukkan penurunan bagi tunggakan cukai pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 manakala 16 PBT telah menunjukkan peningkatan bagi tunggakan cukai taksiran iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Perbandaran Sibu, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Majlis Daerah Sri Aman, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Kapit, Majlis Daerah Dalat dan Mukah, Majlis Daerah Matu dan Daro, Majlis Daerah Marudi, Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Lawas dan Majlis Daerah Subis.

7.5.7.5. Isu Berbangkit Dalam Penyata Kewangan PBT

Jabatan Audit Negara sentiasa membangkitkan isu yang sama setiap tahun bagi memastikan penyata kewangan yang disediakan lebih telus, kemas dan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Perkara yang saban tahun dibangkitkan adalah berkenaan Akaun Amanah dan deposit yang tidak menunjukkan pergerakan serta kutipan yang tidak dapat dikenal pasti. Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah RM13.58 juta baki dalam Akaun Amanah dan sejumlah RM11.58 juta deposit tidak menunjukkan pergerakan manakala sejumlah RM218,366 merupakan kutipan oleh PBT yang tidak dapat dikenal pasti. Selain itu, kelemahan penyediaan penyata kewangan sentiasa dikaitkan dengan sistem perakaunan yang diguna pakai sehingga menyebabkan angka yang dipersembahkan tidak tepat.

7.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

7.6.1. Secara keseluruhan penyerahan, pengesahan dan pembentangan Penyata Kewangan adalah baik iaitu sebanyak 50 Agensi Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2017 sebelum atau pada 30 April 2018.

7.6.2. Kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2017 berdasarkan prestasi 25 BBN adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- 7.6.2.1. jumlah aset bagi 25 BBN menurun sejumlah RM87.12 juta atau 0.8%;
- 7.6.2.2. jumlah aset semasa bersih bagi 25 BBN menurun sejumlah RM193.63 juta atau 6.7%;
- 7.6.2.3. jumlah surplus pendapatan tahun semasa bagi 25 BBN menurun sejumlah RM54.57 juta atau 34.8%; dan
- 7.6.2.4. jumlah liabiliti bagi 25 BBN meningkat sejumlah RM83.91 juta atau 2.1%.

7.6.3. Kedudukan Kewangan PBT bagi tahun 2017 berdasarkan prestasi 25 PBT adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- 7.6.3.1. surplus tahun semasa bagi dua (2) Majlis/Dewan Bandaraya telah menurun sejumlah RM10.76 juta atau 60.4% manakala sebanyak 17 Majlis Daerah mencatat defisit semasa berjumlah RM31.07 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan defisit semasa sejumlah RM17.66 juta atau 131.7% berbanding 16 Majlis Daerah pada tahun 2016 berjumlah RM13.41 juta; dan
- 7.6.3.2. jumlah tunggakan cukai taksiran telah meningkat daripada RM80.95 juta pada tahun 2016 kepada RM84.61 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM3.66 juta atau 4.5%.

7.6.4. Untuk memastikan pengurusan Penyata Kewangan serta prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ditambah baik, adalah disyorkan:

- 7.6.4.1. Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar/Setiausaha perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dapat menjana pendapatan agensi;
- 7.6.4.2. Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan anak syarikat Badan Berkanun Negeri yang mengalami kerugian terkumpul yang semakin meningkat dan berstatus dorman. *Key Performance Index* untuk memantau prestasi anak syarikat perlu diwujudkan supaya prinsip *going concern* anak syarikat yang terbabit dapat dikekalkan. Anak syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik;
- 7.6.4.3. Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan menghadapi kerugian terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat terus berdaya

maju dan mendapat pulangan daripada pelaburan dalam anak syarikat berkenaan;

7.6.4.4. pengauditan berkala oleh Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri hendaklah dilaksanakan untuk penambahbaikan pengurusan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri yang kecil dan belum mewujudkan Unit Audit Dalam;

7.6.4.5. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akruan bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak dengan memberi keutamaan kepada Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan;

7.6.4.6. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak perlu memastikan bahawa pengurusan aset tetap dan aset mudah alih di semua Pihak Berkuasa Tempatan diseragamkan dari segi prosedur dan amalan;

7.6.4.7. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menimbulang langkah yang berkesan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran. Selain itu, kutipan yang tidak dikenal pasti setiap tahun hendaklah segera diselesaikan. Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit yang tidak bergerak hendaklah dipandang serius bagi memastikan penyata kewangan disediakan dengan lebih tepat dan memberi gambaran yang benar dan saksama; dan

7.6.4.8. Jabatan Ketua Menteri serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak perlu mengkaji semula keperluan tenaga kerja dan struktur organisasi di semua Pihak Berkuasa Tempatan agar wujud keseragaman serta bersesuaian dengan peranan dan beban kerja di Pihak Berkuasa Tempatan. Program pembangunan kapasiti khusus perlu dilaksanakan untuk Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi aspek sistem dan peraturan perakaunan, teknikal, polisi dan lain-lain untuk mewujudkan pegawai/kakitangan yang berpengalaman serta mahir. Sehubungan itu, sistem perakaunan yang mantap dan berkesan hendaklah disediakan bagi menyokong penyediaan penyata kewangan yang tepat.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA DAN

MESYUARAT JAWATANKUASA

KIRA-KIRA WANG AWAM

NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Tahun 2015 dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2015 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 11 Mei 2017.


9. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

9.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Ke-51 yang membincangkan mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 dan 2015 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 13 November 2017. Pada tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali Ke-52 telah diadakan pada 12 dan 13 Mac 2018 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan dan Agenzi Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Susulan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2. Ringkasan jadual Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali Ke-52 adalah seperti **Jadual 9.1**.

JADUAL 9.1
MESYUARAT JAWATANKUASA
AKAUN AWAM NEGERI SARAWAK KALI KE-52 PADA TAHUN 2018

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	12 Mac 2018	LKAN 2015 SIRI 2 Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak • Majlis Bandaraya Kuching Selatan • Majlis Perbandaran Padawan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tuggakan cukai taksiran meningkat • Tiada penilaian semula dilaksanakan • Tiada Sistem Penilaian dibangun dan digunakan
		LKAN 2015 SIRI 2 Pengurusan Projek Pembinaan Pusat Akuatik Di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak • Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak • Jabatan Kerja Raya Sarawak • Perbadanan Sukan Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan perunding • Spesifikasi kerja tidak dipatuhi sepenuhnya • Pengujian, petaulahan dan penyerahan peralatan • Pengurusan aset • Rekod aset dan inventori
		LKAN 2015 SIRI 2 Projek Pengubahsuaian dan Pembaikan Kemudahan Pelabuhan Tanjung Manis <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak • Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan projek kurang teliti • Kerja tidak memenuhi spesifikasi • Pengurusan perolehan kurang memuaskan • Pembiayaan projek • Isu dan masalah di tapak
		LKAN 2015 SIRI 2 Sejadu Sdn. Bhd. <ul style="list-style-type: none"> • Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak • Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Riverside Majestic Hotel • Kerja penyenggaraan • Tuggakan hasil • Tuggakan sewa RSC
		LKAN 2015 SIRI 2 Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) <ul style="list-style-type: none"> • Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan • Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan kontrak antara SAINS dengan Kerajaan Negeri • Dokumen kontrak lewat ditandatangani • Pengurusan kontrak projek kurang teratur • Prestasi pelaksanaan projek • Lembaga Pengarah • Pembayaran elauan dan emolumen kepada ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat
2.	13 Mac 2018	LKAN 2013 SIRI 3 Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Prestasi Projek Tanaman Pokok Sagu kurang memuaskan • Kajian Intensif Tanaman Sagu hanya dijalankan selepas program pemulihan gagal • Hasil penyelidikan belum dapat diguna pakai bagi menambah baik prestasi penanaman sagu • Pinjaman Kerajaan Negeri kepada syarikat belum dibayar • Pembelian jengkaut melebihi keperluan penggunaan

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan agensi negeri bagi tahun 2017 adalah baik. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri adalah baik pada 31 Disember 2017. Bagaimanapun, prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah kurang memuaskan iaitu jumlah aset menurun sejumlah RM87.12 juta atau 0.8%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM193.63 juta atau 6.7% dan surplus pendapatan tahun semasa menurun sejumlah RM54.57 juta atau 34.8% berbanding tahun 2016 bagi BBN manakala peningkatan sejumlah RM17.66 juta atau 131.7% defisit semasa di 17 Majlis Daerah dan peningkatan sejumlah RM3.66 juta atau 4.5% dalam tunggakan cukai taksiran keseluruhan PBT. Prestasi bagi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) setakat 31 Disember 2017 menunjukkan sejumlah RM4.29 bilion atau 72.3% daripada RM5.93 bilion telah dibelanjakan. Dari segi prestasi projek fizikal, 171 atau 24.4% daripada 702 projek telah siap dilaksanakan, 498 projek sedang dilaksanakan, 30 projek belum mula, tiga (3) projek digugurkan dan digantikan dengan satu (1) projek baharu. Prestasi masih boleh dimantapkan lagi dan adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri disarankan meneruskan usaha mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan; dan
- c. Kementerian/Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
23 Oktober 2018



LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2017 yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

